

**KESEMBILAN**

*Ninth*

**PERTAMA**

*First*

---

**Jilid 1                      Bil. 53                      Hari Khamis                      30hb. November, 1995**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN  
MESYUARAT 18(1):**

Tindakan Tidak Adil Menarik Balik dan Menggugurkan Dua Dakwaan  
Rasuah Terhadap Bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim  
Tamby Chik oleh Peguam Negara, Datuk Mohtar Abdullah  
- Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)

(Ruangan 41)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1996

**Jawatankuasa:**

**Jadual -**

Maksud B. 35, B. 36, B. 37, B. 38, B.39, B. 40 dan B. 41

(Ruangan 45)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 1996

**Jawatankuasa:**

Maksud P. 35, P. 36, P. 37, P. 39 dan P. 40

(Ruangan 45)

**DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**

**Penggal Yang Pertama**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tuan Chua Jui Meng, P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

- “ Dato’ Haji Abu Dahari bin Osman, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K (Lipis)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M, J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

- “ Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman (Libaran)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Tuan Othman bin Abdul, A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Salamon bin Selamat, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr.Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Hajah Kalsom binti Ghazali  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Norwahidah binti Azizi  
Rozita binti Abd. Samad  
Jainah binti Sakimin  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop  
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt .Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 30hb. November, 1995**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SISTEM VENDOR - BILANGAN SYARIKAT  
BUMIPUTERA YANG GAGAL**

- 1. Tuan Mansor bin Masikon** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:-
  - (a) sejak sistem vendor diperkenalkan, didapati beberapa syarikat bumiputera yang terlibat dengan sistem ini mengalami kerugian dan kegagalan;
  - (b) sehingga bulan Oktober 1995, berapa banyakkah syarikat bumiputera yang menjalankan perniagaan sistem vendor ini gagal; dan
  - (c) apakah sebab-sebab kegagalan itu dan apakah tindakan yang sedang diambil oleh kementerian supaya sistem ini tidak menjadi beban kepada syarikat bumiputera.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, Program Pembangunan Vendor telah dilancarkan oleh kementerian pada tahun 1988 dengan perlantikan Syarikat Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) sebagai syarikat anchor pertama dengan diikuti oleh syarikat-syarikat lain sebagai syarikat anchor.

Pada masa ini terdapat sebanyak 51 buah syarikat besar tempatan dan multinational companies (MNCs) yang telah menyertai program ini sebagai syarikat anchor.

Melalui Program Pembangunan Vendor ini, sehingga bulan Oktober 1995 sebanyak 71 buah syarikat vendor bumiputera telah diwujudkan. Daripada jumlah tersebut, hanya sebuah syarikat vendor sahaja yang telah gagal dan terpaksa dikeluarkan daripada program ini. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa beberapa syarikat vendor bumiputera mengalami kerugian dan kegagalan adalah tidak benar.

Sebab kegagalan sesebuah syarikat vendor itu ialah kerana berlakunya perbalahan yang besar di antara pemegang-pemegang saham dan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang menjadikan mereka tidak sehaluan lagi. Walaupun mereka telah dinasihatkan beberapa kali supaya membuat penyelesaian, tetapi tidak juga berhasil. Akibatnya, pengeluaran syarikat telah terjejas. Ia tidak lagi dapat membekalkan komponen brake and fuel tubing kepada syarikat anchor dan seterusnya syarikat itu telah ditutup. Masalah yang berlaku adalah masalah dalaman syarikat itu sendiri dan tidak disebabkan oleh pihak syarikat anchor atau disebabkan kelemahan pengurusan perjalanan Program Pembangunan Vendor oleh kementerian.

Adalah agak sukar bagi pihak kementerian untuk memastikan bahawa masalah perbalahan di dalam syarikat seperti yang berlaku itu daripada berlaku. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan terus berusaha untuk memberi ceramah dan menganjurkan seminar bagi memupukkan semangat kecemerlangan dan mendorong usahawan syarikat-syarikat vendor supaya mengurus perniagaan mereka secara profesional dan tidak menggalakkan berlakunya masalah perbalahan dalam syarikat.

**Dato Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah kriteria bagi membolehkan sesebuah syarikat bumiputera itu diiktiraf ataupun bagi mendapat sebagai syarikat vendor?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadi sebuah syarikat vendor, syarikat bumiputera itu perlulah menghantar profailnya ke kementerian dan kita selidik dari segi pengurusannya, kemampuan kewangannya, kakitangan teknikalnya dan kita akan 'match'kan mereka dengan syarikat-syarikat anchor yang besar. Selepas mendapat kelulusan dan pengiktirafan daripada syarikat-syarikat besar, barulah mereka dipanggil untuk berunding bagi mendapat persetujuan yang selanjutnya.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah syarikat bukan bumiputera tetapi mempunyai ekuiti bumiputera juga layak untuk menyertai program vendor?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, dalam pertimbangan yang dijalankan oleh kementerian sekarang, syarikat-syarikat yang dipertimbangkan ialah syarikat-syarikat bumiputera yang kalau tidak sepenuh bumiputera pun, majoritinya adalah syarikat bumiputera.

### **PENYAKIT TAUN/TB/KUSTA/MALARIA - BILANGAN KES DI KALANGAN PENDATANG ASING**

2. **Tuan Chia Kwang Chye** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) adakah 'strain' baru penyakit taun (cholera) serta penyakit-penyakit lain telah dibawa masuk oleh pendatang asing atau pekerja asing;
- (b) adakah penyakit-penyakit lain yang tidak lagi wujud di Malaysia seperti TB, 'small-pox', 'leprosy' dan lain-lain dibawa masuk oleh pekerja asing; dan
- (c) jika ya, apakah penyakit-penyakit itu dan bilangan kes yang dikesan oleh Kementerian Kesihatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) 'Strain' baru untuk agen penyebab penyakit malaria dikesan di kalangan pendatang asing, begitu juga dengan pesakit kolera.
- (b) Ya, masih terdapat pendatang asing yang membawa penyakit T.B. dan kusta ke negeri ini.
- (c) Dalam tahun 1994 terdapat 1,230 kes T.B. di kalangan pendatang asing iaitu 10.5% daripada jumlah keseluruhan kes dan sebanyak 118 kes kusta iaitu 35.4% daripada jumlah kesemua kes kusta adalah terdiri dari kalangan pendatang asing.

### **RUMAH KOS RENDAH/PANGSA DBKL - PENJUALAN**

**3. Tuan Liew Ah Kim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bercadang membuka semula keputusan bagi membolehkan rumah pangsa dan rumah kos rendah DBKL dijual kepada penyewa-penyewa yang telah menyewa lebih lima tahun bagi mencapai tujuan mengadakan perumahan bagi mereka yang tidak mempunyai rumah.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:**

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan masih tetap dengan keputusannya iaitu tidak akan menjual rumah pangsa dan rumah kos rendah DBKL kepada penyewa-penyewa yang telah menyewa lebih daripada lima tahun sepertimana yang dilakukan sebelum ini.

**Tuan Tan Kok Wai:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar antara taktik-taktik kotor, janji-janji kosong dan gimik-gimik politik yang dimainkan oleh calon Barisan Nasional, khasnya Setiausaha Parlimen di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan doktor ayam?[*Disampuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Adakah Yang Berhormat sedar bahawa mereka mengatakan sekiranya dipilih akan memastikan rumah-rumah pangsa yang dibina oleh DBKL akan dapat membeli unit mereka yang sudah mereka diami, ada di kalangan mereka yang melebihi 20 tahun? Macam mana Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat membetulkan ketidakadilan ini kerana separuh yang tinggal lebih daripada 10 tahun sudah membeli unit mereka dan banyak lagi yang melebihi 10 tahun tidak dapat membeli kerana pembekuan. Macam mana Yang Berhormat dapat membetulkan kedudukan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, DBKL mempunyai dua dasar iaitu ada rumah yang dibuat untuk dibeli dan ada rumah untuk disewa, sebab banyak orang tidak dapat membeli rumah dan mereka hanya mampu menyewa dan sementara mereka mampu menyewa itu mereka dapat kutip wang dan boleh beli rumah. Jadi, dasarnya ada dua, satu untuk dapat beli dan satu lagi untuk menyewa. Buat ketika ini, yang DBKL jalankan ialah rumah-rumah yang dahulunya di sewa, memang kita telah jual tetapi sekarang apabila telah dikaji semula, buat ketika ini kita telah memberhentikannya. Masalah sama ada adil atau tidak adil itu tidak timbul, sebab kita memang telah menjual setengah daripada rumah yang dibuat itu.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang perkara yang saya sebutkan dia kurang faham, kerana dia orang baru.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, dalam soal jawab, tidak boleh berbahas di bawah Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Baiklah, biar saya buat soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan dengan soalan tambahan.

**Tuan Liew Ah Kim:** Saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan bahawa adakah beliau sedar ada rumah kos rendah ataupun flat DBKL yang telah dijual kepada penyewa-penyewa pada satu ketika, beberapa tahun yang lalu? Saya beri contoh, di Razak Mansion ada 15 blok rumah kos rendah ataupun rumah pangsa yang setengahnya telah pun dijual kepada penyewa-penyewa dan ada separuh yang belum dijual - itu kepunyaan DBKL.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan, Yang Berhormat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Ini menimbulkan satu masalah dalam pentadbiran kerana 'ownership' ini.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta soal, Yang Berhormat, jangan beri ucapan.

**Tuan Liew Kim:** Macam mana kementerian berkenaan boleh membanteras masalah yang ditimbulkan di antara propreitor "orang awam" dengan DBKL ketika menjalankan pembersihan ataupun kutipan sampah sarap atau pun masalah yang lain.....?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jangan ingat saya orang baru saya tidak faham. Yang tidak faham ialah Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat kata kementerian - kita tidak ada kementerian.

Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat sebut Razak Mansion, kita sudah menjual 556 buah rumah flat - jangan kata saya tidak tahu. Jadi, memang pada satu ketika itu DBKL telah menjual rumah-rumah ini, tetapi oleh kerana kita

dapati beberapa sebab yang telah dinyatakan dalam jawapan-jawapan yang diberikan kepada Yang Berhormat, kita belum mahu menjualkan yang lebihnya itu. Jadi, saya rasa itu sahajalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hamzah bin Ramli.

**[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Hamzah bin Ramli tidak hadir]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak.

**[Soalan No. 5 - Y.B. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak tidak hadir]**

#### **INTRA-ASEAN/PERTUBUHAN SEGITIGA ASEAN - KERJASAMA EKONOMI**

**6. Tuan Abdul Mulok bin Haji Awang Damit** minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan kerjasama ekonomi dalam gagasan “intra-ASEAN” dan Pertubuhan Segitiga ASEAN (SIJORI Triangle, Northern Triangle dan BIMP-East ASEAN Growth Area).

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, berbagai kejayaan telah dicapai dalam mempergiatkan kerjasama perdagangan di antara negara-negara ASEAN (intra-ASEAN). Di antaranya ialah penubuhan AFTA (ASEAN Free Trade Area). Dalam jangka masa panjang AFTA akan menyumbang kepada perluasan ‘complementary’, dengan izin, di antara negara-negara ASEAN. Usaha-usaha yang bersungguh-sungguh telah diperlihatkan oleh semua negara dalam mempercepatkan pelaksanaan AFTA. Ini dapat dilihat melalui persetujuan memasukkan barangan pertanian, intellectual property rights, dengan izin, dan sektor perkhidmatan dalam senarai AFTA. Tarikh pelaksanaan AFTA juga telah dipersetujui untuk dipercepatkan lebih awal, iaitu 1hb. Januari, 2003. Di samping itu beberapa skim yang bertujuan menggalakan perdagangan di antara negara-negara ASEAN telah juga dilaksanakan. Ianya ialah ASEAN Industrial Joint- Venture (AIJV) dan ASEAN Brand to Brand Complementary Scheme (BBC), dengan izin.

Sejumlah 21 projek telah dipersetujui untuk dilaksanakan di bawah AIJV. Malaysia terlibat dalam 3 projek iaitu untuk pengeluaran barangan makanan, titanium dioxide dan barangan automatif. Manakala di bawah sekim BBC, negara-negara anggota telah bersetuju untuk mengeluarkan barangan alat ganti untuk 7 jenis jenama kenderaan. Kejayaan-kejayaan ini sesungguhnya memperlihatkan kesungguhan dan keyakinan ASEAN untuk bekerjasama dalam memajukan pertumbuhan ekonomi negara-negara anggota.

Penubuhan kerjasama di peringkat Wilayah seperti IMS-GT (Indonesia-Malaysia-Singapore Growth Triangle), IMT-GT (Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle) dan BIMP-EAGA (Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia- Philippines-East ASEAN Growth Area) boleh dilihat sebagai satu lagi usaha negara-negara ASEAN dalam mempercepatkan pelaksanaan AFTA. Kerjasama di peringkat Wilayah berkemampuan membuka dengan luas peluang mewujudkan kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan di antara wilayah-wilayah yang terlibat. Semenjak penubuhan kerjasama di peringkat wilayah, sektor swasta telah mengenal pasti pelbagai projek usahasama seperti penyediaan kemudahan infrastruktur, penggalakkan industri pelancongan, aktiviti perdagangan dan pembangunan industri sumber. Projek-projek ini telah dan sedang dilaksanakan dengan rancak oleh sektor swasta. Proses pengenalan dan seterusnya pelaksanaan projek-projek usaha sama dijangka akan berterusan terutamanya apabila tahap keyakinan sektor swasta dalam wilayah-wilayah yang terlibat dewasa ini berada di tahap yang tinggi.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua , soalan tambahan. Apakah benar dalam usaha ataupun kerjasama di antara negara-negara dalam ASEAN, khususnya SIJORI, Northern Triangle dan BIMP-EAGA ini kebanyakan negara-negara yang terlibat, khususnya di kalangan private sector, cuma dari Malaysia sahaja yang

benar-benar melibatkan diri dalam urusan perniagaan dengan mana-mana negara yang terlibat dan negara-negara lain misalnya, Indonesia, Filipina, Brunei dan Thailand mengharapkan lebih banyak yang diperolehi daripada Malaysia daripada apa yang mereka sumbangkan dalam usaha sama yang ada ini?

**Tuan Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi pertumbuhan perdagangan kalau dilihat, Malaysia mengeksport ke negara-negara ASEAN dalam tahun 80-an hanya dalam tahap RM6.3 bilion sahaja. Dalam tahun 1990, telah menjangkau RM23 bilion dan 1993, meningkat kepada RM33 bilion. Ini menunjukkan bahawa prestasi perkembangan ekonomi Malaysia sendiri begitu cepat berbanding dengan negara-negara jiran.

Maka kalau begitu, dengan kegiatan-kegiatan dan usaha bersungguh-sungguh yang dibuat oleh kerajaan, telah melebihi Malaysia dalam segala penglibatan di semua program yang melibatkan negara-negara jiran.

Jadi, soalan Yang Berhormat itu sememangnya menunjukkan Malaysia lebih agresif dari negara-negara jiran.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila dilaksanakan AFTA nanti dalam tahun 2005 ataupun 2003, adakah sub-regional grouping, dengan izin, seperti SIJORI, EAGA dan Northern Triangle akan diserap ataupun dimansuhkan ataupun disesuaikan apabila terlaksana AFTA kerana seperti kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat mengatakan bahawa ini adalah sebagai daya penggerak kepada mempercepatkan proses pelaksanaan AFTA.

**Tuan Azmi bin Khalid:** Keadaan yang sebenarnya belum dapat dipastikan lagi, Yang Berhormat, oleh kerana keadaan sekarang ini dalam peringkat kita bermula dan dalam peringkat permulaan ini, kita hanya akan ketahu pada akhirnya apa yang akan berlaku.

## **MASYARAKAT ORANG ASLI DI SEPANG - PROGRAM PEMBANGUNAN**

7. **Puan Seripah Noli binti Syed Hussin** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan tentang program-program pembangunan yang akan, sedang dan telah dijalankan untuk membantu nasib serta taraf kehidupan masyarakat kaum Asli di Sepang yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam projek pembangunan secara besar-besaran di daerah Sepang seperti Projek Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru dan sebagainya.

### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan**

**Masyarakat [Tuan G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan akan maju dengan pesatnya berikutan dengan terbinanya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Projek Lebu Raya Sepang-Kuala Lumpur dan Projek Putrajaya di Dengkil.

Di daerah Sepang terdapat sebanyak 12 buah perkampungan Orang Asli dengan jumlah penduduk seramai 1,800 orang. Satu perkampungan Orang Asli, Kampung Busut yang terlibat dengan Projek KLIA, penduduknya telah dipindahkan ke kawasan baru iaitu Hutan Simpan Kuala Langat Utara di Bukit Cheeding seluas 1,000 ekar pada tahun 1993. Di tempat baru, Bukit Cheeding ini, rumah-rumah telah disediakan untuk mereka dan projek tanaman kelapa sawit sedang dirancang oleh pihak FELCRA untuk memajukan kawasan tersebut.

Projek Pembinaan Lebu Raya Sepang-Kuala Lumpur yang dalam pembinaan juga melibatkan pengambilan tanah rizab Orang Asli Bukit Tampoi seluas 42 ekar. Seramai 12 keluarga Orang Asli terlibat dengan projek ini. Pada masa ini, rundingan antara agensi terlibat dan masyarakat Orang Asli masih berjalan dalam menentukan bayaran pampasan mengenai tanaman, gantian tapak dan rumah baru di kawasan berhampiran Orang Asli terlibat. Penempatan baru akan dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan asas seperti api, air, jalan dan balai raya.

Selain daripada kampung-kampung Orang Asli yang terlibat seperti dinyatakan di atas, terdapat lagi 4 perkampungan Orang Asli yang hampir dengan Projek KLIA ini dan 4 perkampungan Orang Asli yang berhampiran dengan Projek Putrajaya. Dicadangkan kampung-kampung ini akan dimajukan oleh pihak swasta dengan projek perumahan yang melibatkan secara langsung penduduk Orang Asli setempat bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Bagi lain-lain kampung yang tidak terlibat dengan projek pembangunan seperti yang tersebut di atas, kawasan-kawasan ini akan dimajukan sebagai kampung tradisional dan mereka akan disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan yang tersusun serta tapak dusun dan ladang-ladang untuk mereka sebagai sumber ekonomi.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, pampasan yang diberi kepada 12 orang Orang Asli ini, siapa yang akan menguruskannya?

**Tuan G. Palanivel:** Pampasan kepada Orang Asli di Kampung Busut yang sudah berpindah, yang terlibat dengan Projek KLIA ke kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara di Bukit Cheeding sudah pun dibayar. Bayaran pampasan dan penempatan semula daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia berjumlah RM2,676,611 pada 23hb. Julai 1993.

Bayaran bagi menampung peningkatan kos menyediakan projek tanaman kelapa sawit di kawasan penempatan baru daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia berjumlah RM300,000 dan ini dibuat pada 6hb. Julai 1994.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, di samping nasib Orang-orang Asli di kawasan daerah Sepang ini terbela dengan bayaran pampasan dan juga pemberian kemudahan-kemudahan asas, adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk

mengenal pasti beberapa bilangan pengusaha Orang-orang Asli untuk bergiat dalam bidang perniagaan, mungkin memberi lot-lot perniagaan yang diuntukkan di projek pembangunan berkenaan?

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk daerah Sepang, kementerian bercadang menggalakkan bimbingan usahawan di kalangan Orang Asli di Kampung Bukit Bangkung, Jabatan Orang Asli memperuntukkan RM10,000 untuk menggalakkan perusahaan Orang Asli di Kampung Bukit Tampoi - RM10,000, di Kampung Bukit Baja - RM10,000 dan di....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat, yang ditanya ialah di Sepang.

**Tuan G. Palanivel:** Ini di Sepang semua ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu Sepang semua?

**Tuan G. Palanivel:** Ya. Semua kampung ini di Sepang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan G. Palanivel:** ...dan di Sungai Kelubi pun RM10,000 untuk membangunkan usahawan Orang Asli.

#### **AKTA SEWA BELI - PINDAAN**

8. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bilakah Akta Sewa Beli akan dipinda agar mementingkan kepentingan para pengguna daripada syarikat kewangan dan pengguna dapat menikmati rejim faedah yang lebih adil dan munasabah. Adakah beliau sedar bahawa pengiraan pinjaman kereta berdasarkan kadar bulanan dan bukan “flat rate” sekarang di mana “effective interest rest” adalah hampir sekali ganda lebih daripada “nominal interest rate”. Kalau kerajaan tidak bercadang membuat demikian, mengapa.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato’**

**S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna belum bercadang untuk meminda Akta Sewa Beli. Di bawah peruntukan

yang sedia ada, kaedah pengiraan yang hendak dipakai terpulang kepada syarikat yang memberi pinjaman dan kadar faedah 10% adalah kadar maksimum yang dibenarkan.

Pengiraan pinjaman kereta berdasarkan kadar “flat rate” berbanding dengan pengiraan mengikut “monthly rest” adalah berbeza dan lebih mahal. Kementerian berpendapat, kaedah “flat rate” ini adalah munasabah memandangkan risiko yang tinggi yang terpaksa ditanggung oleh syarikat-syarikat kewangan.

Penetapan kadar faedah maksimum 10% adalah munasabah di mana syarikat-syarikat kewangan boleh mengenakan kadar faedah yang lebih rendah dan kompetitif dan ini merupakan faktor yang penting untuk mengimbangi kepentingan peminjam dan pengguna.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah pihak kementerian boleh menganggap pengiraan kadar “flat rate” sebagai adil dan munasabah dan bahawa ia adalah selaras dengan risiko yang ditanggung oleh syarikat kewangan memandangkan syarikat kewangan tiap-tiap tahun, keuntungan mereka naik setiap tahun, bukan turun - naik setiap tahun. Dan alasan yang sama, telah digunakan dan telah ditolak oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apabila dia mengarahkan semua bank untuk mengira tentang pinjaman perumahan mengikut kadar bulanan, bukan kadar tahunan dan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.....Yang Berhormat, cukup dah. Satu sahaja soalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi saya belum sampai kepada soalan pokok lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, soalan dah cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Macam mana itu boleh dianggap adil dan bilakah ia boleh....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah kata tadi dan sudah bertanya. Sila jawab ya.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tak payahlah Yang Berhormat berusaha untuk membangkitkan perkara ini seolah-olah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memutuskan tanpa penglibatan Kementerian Kewangan.

Sebenarnya, sebelum kadar faedah ditetapkan, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengadakan rundingan bersama dengan Kementerian Kewangan yang diwakili oleh Bank Negara dan juga pihak Persatuan Pengguna dalam negara sebelum menetapkan 10% sebagai kadar tertinggi.

Sebenarnya, dalam amalan syarikat-syarikat kewangan mengenakan kaedah daripada 6% hingga 8% flat rate yang berkuatkuasa sekarang, adalah dianggap apa yang ditetapkan sebagai 10% adalah adil.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri satu soalan. Walaupun menerima hakikat yang kita mahu, iaitu Hire Purchase Act ini di'appeal' ataupun di'amend'? Di tangan saya ada satu Hire Purchase Agreement yang disign di Sarawak, tetapi mengatakan kalau ada permasalahan berbangkit dalam soal perhubungan di antara mereka ini, litigation akan dibuat di Kuala Lumpur.

Jadi, soalan saya, adakah kementerian sedar dan sama ada kementerian akan mengambil tindakan agar syarat-syarat yang unconscionable ini boleh diregulate supaya jangan berlaku perkara yang betul-betul tidak adil ini?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, kalau mungkin ada perjanjian-perjanjian yang terkeluar atau tidak mematuhi Akta asal ataupun apa yang terkandung dalam

regulation mengenai hire purchase, kita akan ambil tindakan dan saya akan menyiasat perkara itu. Kalau itu merupakan sebagai satu penyelewengan daripada peraturan-peraturan, kita akan ambil tindakan untuk membetulkan kesilapan itu.

### **SEKOLAH WAWASAN - KONSEP**

**9. Dato' Hon Choon Kim** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang konsep 'Sekolah Wawasan' dan bilangan sekolah ini yang akan dibina pada tahun 1996 khususnya di taman-taman baru di Negeri Sembilan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Petua, konsep Sekolah Wawasan ialah "belajar bersama-sama dalam satu kawasan yang sama, tanpa mengira kaum atau agama".

Konsep ini membawa maksud dua atau lebih sekolah yang berlainan aliran dan pentadbiran dibina dalam kawasan yang sama dan berkongsi kemudahan asas seperti padang, dewan, kantin dan sebagainya.

Perkongsian kawasan dan kemudahan sekolah ini memungkinkan usaha-usaha penerapan nilai-nilai perpaduan dalam masyarakat majmuk serta memupuk semangat persefahaman dan toleransi antara kaum, khususnya di kalangan murid-murid sekolah rendah. Kementerian Pendidikan sedang mengenal pasti beberapa lokasi yang sesuai bagi pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan ini.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kriteria-kriteria yang akan digunakan supaya dapat membina Sekolah Wawasan. Apakah kriteria-kriterianya?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, di antara kriteria-kriteria yang akan diambil kira oleh Kementerian Pendidikan ialah pertama, Kementerian Pendidikan

mempunyai tanah rizab pendidikan yang sesuai dan lokasi tersebut mempunyai penduduk-penduduk yang memerlukan sekolah-sekolah yang akan diwujudkan dalam kawasan tersebut.

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memanglah konsep Sekolah Wawasan adalah baik, tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa di kawasan yang majority populationsnya adalah orang Cina, jadi, jika perlu, bolehkah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) boleh dibina atau dipindahkan ke tempat lain?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, itu memang satu pendapat Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang saya rasa baik dan Kementerian Pendidikan akan mengambil kira.

#### **AGENSI PENGAMBILAN RAKYAT ASING - JUMLAH**

**10. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah agensi-agensi mengambil rakyat asing yang didaftarkan setakat 31 Ogos 1995;
- (b) bagaimanakah prestasi-prestasi mereka mengikut undang-undang; dan
- (c) apakah kuota sistem yang dikenakan kepada agensi-agensi tertentu dan kenapakah kedengaran bahawa setengah-setengah agensi sudah ditutup kerana tidak dapat layanan dari kementerian.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan agensi yang mengendalikan pengambilan pekerja asing yang berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia adalah sebanyak 163 buah agensi. Walau bagaimanapun, mulai 2 Ogos, 1995, kesemua agensi tidak berperanan lagi kecuali di dalam mengendalikan sektor pembantu rumah dan pembantu kedai.

- (b) Prestasi agensi-agensi berkenaan ada yang baik dan ada yang sebaliknya. Tetapi mereka yang melanggar syarat telah pun dibatalkan.
- (c) Tidak ada sistem kuota dikenakan kepada agensi-agensi tertentu, malahan majikan sendiri boleh mengemukakan permohonan dan bilangan pekerjaanya bergantung kepada keperluan majikan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, didapati setengah-setengah agensi sudah tutup adalah kerana tidak mampu menjalankan perniagaan pekerja asing lagi.

**Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pekerja-pekerja asing yang datang bekerja ke Malaysia ini setelah tamat tempohnya adakah dihantar balik ataupun diberi kad pengenalan palsu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, bila sudah habis tempoh, mereka pergi ke mana?

*[Disampuk]*

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tamat tempoh, tidak diperbaharui, maknanya pekerja itu bekerja tanpa permit. Maknanya mereka ini bekerja tanpa izin dan pihak berkuasa akan menangkap dan mengusir mereka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang agensi-agensi yang mengambil rakyat asing ini, adakah di antara mereka telah gagal memenuhi syarat-syarat seperti 'six-million-dollar-man' daripada Parit Buntar? Adakah benar Dato' Tajuddin Rahman telah berhutang sebanyak RM9 juta kepada pihak kementerian kerana gagal membayar kepada pihak kementerian untuk tambang kapal terbang bagi setiap 3 orang

yang dia bawa masuk, dia mesti menghantar seorang rakyat Bangladesh pulang ke Bangladesh dan berapa banyak pekerja asing yang dibawa masuk ke negara kita?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa, Jabatan Imigresen memang telah menetapkan satu peraturan di mana pihak majikan-majikan yang diluluskan pengambilan pekerja asing, mereka kena membantu kerajaan untuk menghantar pulang pendatang tanpa izin yang telah ditangkap oleh penguatkuasa di depot-depot imigresen.

Dalam menjalankan dan melaksanakan peraturan ini, memang terdapat beberapa majikan yang gagal mematuhi peraturan ini. Tetapi di dalam rekod imigresen, secara rasminya tidak ada apa-apa hutang daripada apa yang dikatakan 'six-million-dollar-man', pada hal ada majikan-majikan yang tidak mematuhi obligasi ini dan jabatan masih cuba mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap majikan-majikan ini, tetapi siapa 'six-million-dollar-man' itu, saya memang tidak sedar. Di dalam rekod imigresen, tidak ada.

#### **AIDS - USAHA KERAJAAN MENGESAN DAN MENGUBAT MANGSA**

11. **Dr. G. Leelavathi** minta Menteri Kesihatan menyatakan sebagaimana yang sedia maklum, kadar peratus penyakit AIDS kini semakin meningkat dari setahun ke setahun.

- (a) apakah cara yang paling terkini yang dijalankan oleh pihak kementerian untuk mengesan penyakit AIDS selain daripada ujian darah;
- (b) setakat ini adakah Institut Kajian Perubatan sudah menjumpai sebarang ubat untuk memulih penyakit tersebut;
- (c) apakah cara rawatan yang terbaru yang dijalankan oleh pihak kementerian untuk mangsa-mangsa penyakit ini; dan
- (d) berapa peratuskah mangsa-mangsa yang ditimpa penyakit AIDS ini yang masih hidup.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berhubung dengan cara untuk mengesan penyakit AIDS, pihak Kementerian Kesihatan masih lagi menggunakan ujian darah sebagaimana yang dianjurkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
- (b) Berkaitan kajian untuk menemukan ubat untuk memulihkan penyakit AIDS, setakat ini Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) memang tidak menjalankan kajian ini.
- (c) Setakat ini belum ada lagi cara rawatan yang terbaru yang dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan untuk mangsa-mangsa AIDS ini selain daripada cara 'standard' yang sedia ada.
- (d) Daripada seramai 280 pesakit AIDS yang dilaporkan sehingga 31hb. Ogos 1995, peratus mereka yang masih hidup ialah 24.3%.

**Dr. G. Leelavathi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu kalau seorang pekerja asing dikenal pasti menghidap sesuatu jenis penyakit, adakah pekerja tersebut dihantar balik ke negeri asalnya atau dibenarkan bekerja semula di negara kita?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sakit apa Yang Berhormat? Kalau sakit batuk tidak dihantar.

*[Ketawa]*

**Dato' M. Mahalingam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati ada satu program tentang AIDS yang disiarkan oleh Radio Malaysia telah memberi maklumat yang tidak berapa tepat iaitu mengadakan hubungan seks sebelum kahwin akan mengakibatkan AIDS dan untuk mencegah AIDS jangan mengadakan hubungan seks sebelum kahwin. Saya

rasa ini tidak ada alasan dari segi kesihatan. Jadi, adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menarik balik program ini?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu itu adalah program Kementerian Kesihatan. Saya minta notis dari Yang Berhormat untuk diberi jawapan secara bertulis.

### **REKOD URUS NIAGA BERAS - MEMANSUHKAN AMALAN**

12. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) sama ada ia akan memansuhkan amalan yang sedia ada memerlukan semua pekedai menyimpan rekod semua pembelian dan penjualan beras secara runcit dan borong; dan
- (b) jika tidak, apa rasional untuk meneruskan amalan ini dan siapa yang benar-benar mengkaji dan menggunakan rekod tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan amalan yang sedia ada yang memerlukan semua pekedai menyimpan rekod semua pembelian dan penjualan beras secara runcit dan borong.
- (b) Kerajaan telah mengadakan beberapa peraturan serta mengambil tindakan bagi mengawasi kedudukan stok, pergerakan dan urus niaga setiap bekalan adalah mencukupi bagi setiap masa dan peniaga-peniaga juga diwajibkan menyelenggara akaun harian bagi beras yang dibeli dan dijual. Kementerian berpendapat amalan ini perlu diteruskan bagi menentukan bekalan stok adalah mencukupi.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Timbalan Menteri bahawa adakah sekatan untuk mengangkut beras dari satu negeri ke satu negeri masih wujud? Adakah kementerian ada bercadang untuk menghapuskan sekatan ini?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Demi untuk memastikan keadaan penawaran (supply) beras ini mencukupi, maka kita terpaksa meneruskan lagi kawalan-kawalan berkenaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu sama ada negara kita menghadapi masalah kekurangan beras? Kerana kalau peraturan yang digunakan selama ini berkesan untuk mengatasi masalah atau mengelakkan daripada kita menghadapi masalah kekurangan beras, adakah pihak kementerian akan mengesyorkan supaya amalan yang sama digunakan untuk ayam? Kerana kita nampaknya menghadapi masalah kekurangan ayam. Oleh sebab itu, saya tidak nampak rasional apa gunanya kita menggunakan peraturan yang lapuk ini, ketinggalan zaman, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu agak lari daripada soalan pokok. Tetapi walau bagaimanapun, saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sengaja suka mengeluarkan andaian-andaianya sendiri. Misalnya satu Usul yang dibawa ini pun andaianya sendiri. Saya sudah menyatakan bahawa sesuatu itu eloklah dapatkan penjelasan dulu daripada kerajaan.

Misalnya penswastan BERNAS, memang tidak pernah diswastakan lagi. Kerajaan belum lagi memutuskan. Yang Berhormat Menteri Pertanian mengatakan bahawa apa yang dijalankan itu adalah di peringkat kementerian. kerajaan, Kabinet, belum pun memutuskan lagi. Itu pandangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ong Tin Kim.

*Soalan No. 13 - Y.B. Tuan Ong Tin Kim tidak hadir.*

**HOSPITAL KLUANG - BILANGAN DOKTOR PAKAR**

14. **Tuan Hoo Seong Chang** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-
- (a) berapa orang Doktor Pakar yang sedang berkhidmat di Hospital Daerah Kluang, Johor dan adakah kementerian bercadang untuk menambah Doktor Pakar di hospital ini;
  - (b) sama ada kementerian bercadang mengadakan mesin dialisis untuk pesakit-pesakit di Daerah Kluang; dan
  - (c) bilakah sebuah hospital daerah yang baru akan dibina di Daerah Kluang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan

Yang di-Pertua,

- (a) Hospital Kluang menyediakan perkhidmatan kepakaran melalui pakar sepenuh masa dalam bidang bedah dan perbidanan dan sakit puan (obstetric and gynecology). Di samping itu, perkhidmatan pakar juga disediakan melalui pakar pelawat dalam bidang-bidang lain dari hospital-hospital lain di Johor. Kementerian sedang berusaha menempatkan pakar perubatan secara berperingkat.
- (b) Setakat ini Kementerian Kesihatan belum bercadang untuk mengadakan mesin dialisis bagi pesakit-pesakit di Hospital Kluang. Walau bagaimanapun, kementerian dalam proses mengkaji cara-cara alternatif untuk menyediakan perkhidmatan sebegini, antaranya mengadakan perkhidmatan secara kontrak ke pihak swasta dan menggalakkan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGOs) mewujudkan perkhidmatan tersebut.
- (c) Buat masa ini Daerah Kluang tidak memerlukan sebuah hospital baru. Hospital yang sedia ada boleh mengendalikan perkhidmatan dengan

baik. Walau bagaimanapun, cadangan telah dikemukakan untuk meningkatkan perkhidmatan hospital ini dengan mengadakan Jabatan Kecemasan baru. Kerajaan juga dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji kesesakan, keupayaan dan keadaan sesebuah hospital bagi meningkatkan taraf perkhidmatannya.

#### **DEFISIT PERDAGANGAN - KESAN PADA EKONOMI**

15. **Tuan Michael Lisa Kaya** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah "trade deficit" untuk seluruh negara pada tahun ini; dan
- (b) sebab-sebabnya dan kesannya kepada ekonomi negara dan cadangan kerajaan untuk mengurangkannya.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah defisit perdagangan bagi tahun 1995 adalah dianggarkan sebanyak RM9.6 bilion.
- (b) Defisit dalam imbalan perdagangan tahun ini adalah disebabkan peningkatan pesat dalam import yang dianggarkan sebanyak 26%, sementara eksport pula dianggarkan meningkat sebanyak 21.8%. Peningkatan import ketara ini adalah disebabkan import jentera dan kelengkapan, termasuk import lumpy, dengan izin, seperti kapal terbang dan kapal laut. Sebagai contoh, dalam tahun 1995, MAS mengimport 10 buah kapal terbang Airbus berjumlah sebanyak RM2.45 bilion dan MISC dan Pemas National Shipping Line juga mengimport 11 buah

kapal yang berjumlah sebanyak RM704 juta. Syarikat minyak petroleum juga telah mengimport alat keperluan sebanyak RM2.4 bilion dan beberapa agensi lagi telah mengimportkan jumlah yang agak besar.

Kebanyakan barangan yang diimport adalah untuk kegunaan produktif di mana 86% daripada keseluruhan import adalah dalam bentuk barangan perantaraan dan modal. Barangan modal yang diimport akan memperkembangkan kapasiti pengeluaran dan eksport negara pada masa hadapan.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan defisit akaun perdagangan imbalan pembayaran adalah termasuk:

- (i) mengurangkan pergantungan negara ke atas import jentera dan kelengkapan baru dan menggalakkan pembangunan industri jentera dan kejuruteraan tempatan;
- (ii) memastikan komponen-komponen projek-projek besar diperolehi dari sumber tempatan; dan
- (iii) industri komponen tempatan akan terus diberi galakan dengan meningkatkan rantaian antara industri kecil dan sederhana dengan syarikat multinasional melalui Program Pembangunan Vendor.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita memang menerima hakikat dengan adanya pembangunan besar-besaran, umpamanya Projek Bakun, KLIA boleh meningkatkan defisit perdagangan. Tetapi soalan yang penting bagi saya ialah sama ada kerajaan akan menurunkan penggunaan servis yang diterima daripada luar

negara dan menumpukan perhatian atas semua services consultancy dan sebagainya, yang didapati dalam negara kita sendiri dan tidak menggunakan servis-servis macam ini daripada luar negara?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah spesifik yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan defisit disebabkan oleh sektor perkhidmatan termasuk:

Yang pertama, telekomunikasi dan pengangkutan di mana tax incentive telah diberikan kepada beberapa sektor di mana dengan izin, statutory income, investment allowance and industrial of building allowance telah diberikan peratusan yang tertentu untuk menggalakkan perkhidmatan ini dapat diwujudkan. Kemudian dari segi pelabuhan dan perkapalan juga telah diberikan dana perkapalan supaya dapat ditingkatkan perkhidmatan perkapalan.

Dari segi pelabuhan di mana Port Klang telah diberikan peruntukan dan perhatian yang cukup supaya dapat kita meningkatkan lagi kemudahan yang dapat diberikan dan dapatlah kita menggalakkan pengeksportan.

Dari segi Electronic Data Interchange (EDI) juga diberi perhatian yang cukup, juga dari segi zon-zon bebas komersil, di mana Port Klang dan Pasir Gudang serta beberapa buah port lagi diberikan kemudahan seperti ini.

Dari segi import di mana biasanya kita adalah menggalakkan supaya eksport adalah atas C.I.F dan import adalah atas F.O.B basis agar dapatlah kita menambahkan lagi, manakala defisit dapat dikurangkan.

Dari segi tourism dan income insurance, kontrak dan profesional, consultancy and education juga diberi perhatian pada keseluruhannya. Jadi, semua segi dapatlah kita

memberikan perhatian yang cukup supaya dapat kita kurangkan defisit yang disebabkan oleh tajuk-tajuk yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana keadaan pada masa akan datang mengenai trade deficit di negara kita khususnya dalam masa tiga tahun akan datang?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1995, keseluruhannya akaun defisit semasa negara kita ialah lebih kurang RM18.1 bilion, di mana kalau kita tinjau daripada pelaburan yang dibawa masuk ke dalam negeri ini iaitu lebih kurang RM20.2 bilion dan sebaliknya yang dibawa keluar untuk pelaburan di negeri lain ialah RM5.4 bilion. Jadi, kalau begitu maknanya pelaburan yang dibawa masuk ke dalam negeri pada netnya ialah RM14.8 bilion, maknanya RM18.1 bilion tolak RM14.8 bilion, kita masih kekurangan RM3.3 bilion sebagai defisit. Tetapi ini adalah diberi pinjaman secara jangka panjang dan negara kita amatlah yakin defisit yang kita alami ini adalah tidak mendatangkan apa-apa bahaya. Kita tidak nampak ini adalah satu bahaya untuk negara kita.

Kita percaya dengan usaha-usaha yang saya sebutkan tadi, baik dari segi perdagangan ataupun dari segi sektor perkhidmatan, usaha telah diambil oleh Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Jadi, saya percaya usaha-usaha seperti ini dapat kita kurangkan defisit yang kita alami sekarang, khususnya oleh kerana kebanyakan defisit ini adalah disebabkan kerana pengimportan barangan capital yang akan mengeluarkan barangan untuk eksport.

#### **KELANTAN SEBAGAI KORIDOR PERINDUSTRIAN - PROGRAM KERAJAAN**

**16. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah program-program yang sedang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan

untuk mewujudkan Kelantan sebagai koridor perindustrian yang setanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo**

**Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan jumlah pelaburan di negara ini, Kerajaan Persekutuan menggalakkan pelaburan ke semua negeri-negeri di Malaysia termasuk Kelantan tanpa menyediakan sebarang program khusus kepada sesebuah negeri. Walaupun begitu, dalam tahun 1994 Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan satu pakej insentif khusus untuk Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Keseluruhan negeri Kelantan adalah termasuk dalam Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pakej insentif ini meliputi pertama, pemberian taraf perintis di mana pengecualian cukai pendapatan sebanyak 85% daripada pendapatan berkanun syarikat selama 5 tahun atau Elaun Cukai Pelaburan pada kadar 80% ke atas perbelanjaan modal yang diluluskan dan dilakukan oleh syarikat dalam tempoh 5 tahun dari tarikh insentif itu berkuatkuasa.

Kedua, elaun infrastruktur sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang terlibat dalam pembinaan, pembinaan semula, pembesaran atau membaiki apa-apa struktur untuk perniagaan bagi projek-projek yang ditempatkan di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketiga, pengecualian duti import sepenuhnya selama 5 tahun ke atas bahan-bahan mentah dan komponen-komponen yang digunakan untuk membuat barang-barang siap bagi pasaran tempatan, jika bahan-bahan mentah dan komponen-komponen tersebut tidak dikeluarkan di Malaysia.

Keempat, galakan pusingan kali kedua bagi taraf perintis atau elaun cukai pelaburan kepada projek-projek yang ditempatkan di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, di samping insentif-insentif cukai tersebut, bagi menarik lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia termasuk ke negeri Kelantan, MITI telah mengadakan beberapa misi pelaburan dan perdagangan serta seminar di luar negeri dan wakil dari Kerajaan-kerajaan Negeri termasuk Kelantan turut dipelawa untuk menyertai misi tersebut.

Dalam tahun 1994, MITI telah mengadakan 8 misi pelaburan dan perdagangan ke luar negeri dan daripada jumlah tersebut Kerajaan Negeri Kelantan hanya menyertai satu misi sahaja iaitu ke Amerika Syarikat pada 6hb. hingga 16hb Jun 1994. Dari bulan Januari hingga Oktober 1995, MITI telah mengadakan sembilan misi pelaburan dan perdagangan ke luar negeri, tetapi Kerajaan Negeri Kelantan tidak mengambil bahagian dalam misi tersebut.

Di antara faktor-faktor yang diambil kira oleh pelabur-pelabur apabila hendak melabur di sesebuah negara termasuk Kelantan ialah iklim pelaburan yang sesuai, kemudahan infrastruktur yang diperlukan dan bekalan tenaga kerja yang mencukupi. Kerajaan Persekutuan memang peka terhadap keperluan ini dan tindakan secara berterusan telah diambil untuk menyediakan keperluan-keperluan tersebut.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum pilihan raya dahulu Timbalan Menteri Kewangan dan sekarang Menteri Pembangunan Usahawan menjanjikan akan menjadikan Jeli kawasan pintu masuk pelabur asing ke negeri Kelantan. Saya ingin bertanya, setakat ini berapa buah industri yang telah masuk ke kawasan Jeli dan apakah jenis industri yang telah beroperasi di kawasan Jeli sekarang setelah beliau berjaya menjadi Menteri selepas Timbalan Menteri?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod saya pada tahun 1995 ada lebih kurang 6 projek telah masuk ke Kelantan tetapi sama ada ianya masuk ke kawasan Jeli atau tidak, ini soalan terlalu spesifik. Saya minta notis.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang kita tahu negeri Kelantan dipegang oleh pembangkang. Adakah kepercayaan pelaburan oleh orang asing terjejas di Kelantan?

**Tuan Kerk Choo Teng:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu sudah jelas, tak payah saya sebutkan di sini. Terima kasih.

#### **BERAS TEMPATAN - PENINGKATAN PENGELUARAN**

17. **Tuan Roberti Lau Hoi Chew** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) peratusan penggunaan beras negara yang dibekalkan oleh pengeluar tempatan; dan
- (b) Langkah-langkah kukuh yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi pengeluaran beras tempatan, terutama sekali di Sarawak.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) maklumat ke atas pengeluaran beras yang dibekalkan oleh pengeluar tempatan di Sarawak dalam jangka masa antara 1991 - 1994 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Pengeluaran Beras (tan)</b>
1991/1992	91,800
1992/1993	87,000
1993/1994	87,000

(b) Langkah-langkah kukuh yang diambil oleh kerajaan melalui program pembangunan Jabatan Pertanian Sarawak untuk meningkatkan lagi pengeluaran beras tempatan adalah seperti berikut:

(i) Program bantuan kepada penanam padi. Program ini mengandungi tiga komponen iaitu:

(1) Skim Bantuan Penanam Padi

(2) Skim Pengairan Padi Berteres

(3) Subsidi Baja Padi Bukit

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pengeluaran, membantu petani di kawasan pedalaman dan membantu penanam padi bukit untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran.

(ii) Pembangunan dan penyelidikan di mana kerja-kerja penyelidikan (R&D) di mana kerja-kerja penyelidikan ke atas tanaman padi sentiasa diberi perhatian dari aspek menghasilkan baka dan jenis benih padi tempatan yang bermutu tinggi serta mempunyai daya tahan daripada serangan serangga dan makhluk perosak.

(iii) Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat Sarawak dan Jabatan Pertanian telah bercadang untuk melaksanakan program penanaman padi secara mini estet.

- (iv) Langkah lain ialah melalui skim-skim di bawah pelaksanaan pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran yang akan dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri mengenai bekalan beras. Memandangkan beras pulut tidak dikeluarkan oleh petani-petani kita, bagaimanakah kedudukan bekalan beras pulut di Malaysia menjelang Tahun Baru Cina dan juga Hari Raya Puasa yang semakin hampir?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Sebagaimana jaminan yang telah diberi, walaupun pengeluaran pulut tidak dikeluarkan sepenuhnya, ada juga pulut sebahagian-sebahagian tetapi tidak sepenuhnya. Maka kementerian menerusi BERNAS juga akan menyediakan beras pulut mencukupi, insya Allah, bagi keperluan hari-hari.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beras Bario dari Sarawak adalah sangat wangi dan tarafnya sangat bagus dan sedap. Adakah kerajaan mempunyai satu program untuk menyelidik, menyiasat dan memperbaiki serta memperluaskan lagi produksi beras Bario? Sekian.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bahawa kementerian menerusi agensi R&D sedang meneliti variety beras yang berpotensi terutama sekali beras tempatan termasuk beras Bario. Tetapi walau bagaimanapun, hasilnya masih lagi dalam kajian dan mungkin kalau ia merupakan projek yang viable, insya Allah, ini akan diperluaskan pada masa yang akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi pertanyaan-pertanyaan sudah cukup.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 5, 13 dan 18 hingga 26 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]*

## USUL

### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

**Tindakan Tidak Adil Menarik Balik dan Menggugurkan  
Dua Dakwaan Rasuah Terhadap Bekas Ketua Menteri  
Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik  
oleh Peguam Negara, Datuk Mohtar Abdullah**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2), ingin saya memberi pemberitahu bahawa saya ingin mendapat izin untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk membincangkan suatu perkara yang tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan iaitu masalah Ketua Peguam Negara Datuk Mohtar Abdullah melepaskan bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dari dua dakwaan rasuah mengenai hal tanah dan kekayaan luar biasanya pada 27hb. November, 1995 dan usul saya berbunyi:

Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincang masalah Ketua Peguam Negara Datuk Mohtar Abdullah bertindak tidak adil dengan menarik balik dan menggugurkan dua dakwaan rasuah terhadap bekas Ketua Menteri Melaka dan Presiden Pemuda UMNO, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik yang menjejaskan usaha membanteras amalan rasuah dan memerlukan Ketua Peguam Negara yang baru untuk menegakkan keluhuran undang-undang kerana ia adalah satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah satu perkara tertentu dan kepentingan orang ramai bila Datuk Mohtar pada 27hb. November, 1995 di Mahkamah Tinggi Melaka mengejutkan seluruh rakyat Malaysia bila beliau menarik balik dua tuduhan rasuah ke atas Tan Sri Rahim kerana asas tuduhan yang dikenakan terhadap Tan Sri Rahim terjejas berikutan maklumat terbaru yang diperolehi oleh pihak pendakwa. Datuk Mohtar menambah, siasatan terperinci telah dibuat ke atas maklumat itu dan bukti baru yang ditemui daripadanya menjejaskan asas yang paling penting dalam kes yang dikemukakan oleh pihak pendakwa. Selaras dengan itu, dakwaan berkenaan tidak boleh diteruskan terhadap tertuduh dan demi keadilan memutuskan untuk menggugurkan tuduhan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, di manakah keadilan bila dakwaan rasuah dibuat ke atas Tan Sri Rahim pada 28hb. November, 1994; Datuk Mohtar ada bukti-bukti kukuh tetapi sekarang pula cakupannya berlainan. Malah Hakim Datuk Azmeer Mahmood pun terkejut dan bertanya, apakah perlu pengguguran dibuat sebelum perbicaraan bermula?

Kenyataan Datuk Mohtar amat mengejutkan memandangkan Badan Pencegah Rasuah telah diarahkan olehnya menjalankan siasatan lanjut pada 11hb. September, 1994 selepas beliau tidak berpuashati tentang hasil siasatan pertama yang diserahkan oleh BPR. Beliau sendiri telah menyatakan, saya quote:

“ Satu siasatan yang menyeluruh perlu dilakukan sebelum beliau membuat keputusan secara adil dan saksama”.

Tuan Yang di-Pertua, hanya selepas BPR menjalankan siasatan lanjutan dan menyerahkan hasil siasatannya pada awal bulan November, 1994, barulah Datuk Mohtar membuat keputusan secara adil dan saksama, mendakwa Tan Sri Rahim di mahkamah pada 28hb. November, 1994.

Untuk Datuk Mohtar menyatakan sekarang bahawa siasatan terperinci yang dibuat serta bukti baru menjejaskan asas yang paling penting rasuah hanya menunjukkan beliau tidak serius dalam menjalankan tugasnya. Macam manakah beliau boleh membuat sesuatu tuduhan tanpa bukti yang kukuh, lebih-lebih lagi bila dua siasatan terperinci telah dijalankan oleh BPR sebelum dakwaan di mahkamah dibuat? Tidak pernah berlaku dalam sejarah perundangan, di mana seorang Ketua Peguam Negara telah menarik dakwaan rasuah yang

dibuat olehnya sendiri. Peristiwa sejarah ini sungguh memalukan rakyat Malaysia dan juga menjejaskan imej BPR membanteras amalan rasuah. Ia juga mencatitkan usaha Kerajaan Barisan Nasional memerangi rasuah dan memberikan gambaran bahawa amalan rasuah oleh pihak atasan dibenarkan, sedangkan yang dilakukan oleh peringkat bawahan sahaja yang diambil tindakan.

Perkara ini perlu disegerakan, Tuan Yang di-Pertua, kerana negara kita perlukan satu sistem perundangan yang diyakini, dan ia hanya boleh dipelihara kalau pegawai perundangan yang paling kanan mempunyai keyakinan orang ramai tentang kebolehannya, kebebasannya dan ketegasan menjalankan tugas tanpa pilih kasih. Tindakan Dato' Mohtar kebelakangan ini, di mana beliau gagal mengambil tindakan tegas dan memilih kasih dalam kes ahli-ahli pentadbiran kerajaan, jelas menunjukkan beliau telah kehilangan kredibilitinya.

Demi keadilan, negara perlukan seorang Ketua Peguam Negara yang baru, Dato' Mohtar perlu dipecatkan dengan segera, agar keluhuran Perlembagaan dapat dipelihara dan undang-undang ditegakkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 28hb November, 1995 pada jam 2.35 petang. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua ialah bagi kepentingan orang ramai, dan syarat yang ketiga ialah, ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu, dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Tetapi pada fikiran saya, perkara ini tidak perlu disegerakan. Pihak pencadang boleh pada masa mana-mana pun di hadapan membuat apa-apa tindakan yang dia fikir patut untuk membuktikan segala kata-katanya itu.

Setahu saya, dalam perkara ini Peguam Negara menggunakan budi bicaranya di bawah Artikel 145(3) Perlembagaan, yang menyatakan dia, Peguam Negara mempunyai kuasa, dan kuasa itu hendaklah dijalankan menurut budibicaranya bagi membawa, menjalankan atau memberhentikan apa-apa pembicaraan mengenai sesuatu kesalahan. Hendak memutuskan sama ada Peguam Negara itu telah membuat keputusan mengikut budibicara yang betul atau tidak, akan memakan masa yang panjang untuk mengkaji segala bukti-bukti yang berkenaan. Kerja ini tidak boleh dibuat di dalam masa satu jam yang dibenarkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. [*Tepuk*]

## **RANG UDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996**

#### **USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dan Anggaran Pembangunan 1996 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” [*Hari Kesembilan*]

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kepong, sila sambung.

**Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40 dan B.41 [Jadual] -  
Maksud P.35, P.36, P.37, P.39 dan P.40 [Anggaran Pembangunan, 1996] -**

**3.45 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, sepertimana yang saya sebutkan semalam, saya berharap Pasukan Simpanan Persekutuan dapat mengambil alih tapak pelupusan sampah sarap di bidang Utara, supaya tidak ada pembuangan sampah sarap di situ lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai permohonan untuk pembantu rumah. Dengan masyarakat yang kian maju, kehidupan rakyat meningkat dan sebagainya, memang keperluan untuk mengadakan pembantu-pembantu rumah adalah bertambah. Pada tempoh hari, walaupun kementerian telah mengambil perhatian mengenai permohonan untuk pembantu-pembantu rumah, tetapi nampaknya masalah itu tidak diselesaikan lagi. Kerana pada sebelum dua, tiga bulan yang lepas, permohonan untuk memasuki Pembantu Rumah ialah melalui Jabatan Imigresen. Tetapi kerana faktor-faktor yang tertentu, tugasnya diserahkan kepada National Task Force atau Pasukan Petugas Kebangsaan. Tetapi Pasukan Petugas Kebangsaan tidak mempunyai kakitangan yang cukup, cuma 20 orang dan tidak mempunyai pengalaman yang cukup sehingga tidak dapat memproseskan beribu-ribu permohonan. Ini menyebabkan pemohon-pemohon kecewa dan juga menjejaskan kehidupan mereka, termasuk pekerjaan mereka.

Saya berharap pihak kementerian dapat menyelesaikan masalah ini dengan segera. Saya setuju bahawa kita mesti mengambil perhatian, kita mesti menguatkuasakan undang-undang ini dengan ketat untuk memastikan tidak ada pembantu-pembantu rumah yang haram,

sepertimana yang kita sering menyeru supaya tidak ada pekerja-pekerja asing yang haram di negara ini.

Walau bagaimanapun, kalau pemerosesan mengambil masa yang terlalu panjang, ini bermakna agensi yang tidak mengikut undang-undang akan tumbuh bagai cendawan dan bilangan pembantu rumah yang tidak sah akan bertambah. Inilah masalah yang dihadapi oleh negara yang semakin hari semakin maju.

Satu perkara lagi ialah mengenai hampir 200,000 penagih dadah di negara ini, kami sering memberi perhatian kepada masalah tersebut. Walau bagaimanapun, didapati bahawa hanya 10% daripada 200,000 penagih dadah yang menerima rawatan untuk pemulihan di pusat-pusat Serenti dan sebagainya. Hanya 10%, iaitu 20,000 orang. Itu pun, hampir 65% atau 70% selepas kira-kira dua tahun di pusat-pusat Serenti ini kembali kepada penagihan dadah semula.

Masalah ini berterusan. Saya berharap pihak kementerian dapat membina lebih banyak pusat pemulihan, termasuk mengubahsuaikan kem-kem polis, kem-kem Pasukan Polis Hutan dan sebagainya untuk menampung lebih banyak penagih-penagih dadah.

Satu lagi ialah mengenai cara-cara untuk menyeludup dadah masuk ke negara ini. Saya nampak ada teknik-teknik yang baru, termasuk teknik menggunakan alat-alat ataupun permainan kanak-kanak. Dengan teknik yang baru dapat membuat alat-alat dan membuat barang-barang permainan kanak-kanak dengan dadah.

Dadah ini dimasukkan ke negara ini tanpa diketahui pihak berkuasa dan kemudian pihak penjenayah dapat mengendalikan bahan-bahan dadah ini daripada barang-barang permainan kanak-kanak. Ini cara yang baru dan saya percaya ada cara-cara yang lain untuk memasukkan dadah ke negara ini. Saya berharap kementerian dapat mengambil perhatian

untuk mengetahui teknik-teknik yang baru yang digunakan untuk memasukkan dadah ke negara ini. Inilah salah satu cara untuk mencegah pengedaran dadah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bukit Bintang.

**3.51 ptg.**

**Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih atas keizinan dan saya ingin membangkitkan dua isu yang telah berlaku di Kuala Lumpur. Saya menyentuh Maksud B.36, Program 030100, iaitu Siasatan Jenayah.

Sebagai Wakil Rakyat, saya telah menerima beberapa aduan daripada penduduk-penduduk di kawasan Bukit Bintang, khususnya di Jalan Tuanku Abdul Rahman iaitu berdekatan dengan kawasan Chow Kit.

Setiap hari ramai orang termasuk orang asing dari Bangladesh dan lain-lain pergi membeli-belah di kawasan itu. Saya difahamkan bahawa terdapat satu sindiket atau kumpulan orang asing yang selalu merompak pembeli-pembeli di tempat tersebut.

Perompak-perompak yang terlibat selalu mencuri dompet (wallets) atau handbags dari pembeli-pembeli khususnya pelancong-pelancong asing. Akibatnya aktiviti-aktiviti perniagaan di Chow Kit telah terjejas dan bilangan pelancong-pelancong yang datang membeli-belah pun telah berkurangan.

Selain itu, saya juga difahamkan bahawa jikalau peristiwa ini dilaporkan kepada pihak polis di Jalan Dang Wangi, tiada tindakan yang sewajarnya diambil oleh pihak yang berkuasa. Hanya selepas beberapa aduan telah dilaporkan barulah mereka menjalankan operasi untuk menangkap orang, termasuk pembeli-pembeli dan peruncit-peruncit, tetapi ini hanya bertujuan untuk menunjuk-nunjuk sahaja. Ini adalah kerana perompak-perompak yang

ditangkap pun telah dibebaskan selepas beberapa jam tanpa sebarang siasatan lanjutan tetapi peruncit-peruncit telah ditahan dengan tempoh masa yang lebih panjang.

Tuan Pengerusi, selepas ahli-ahli kumpulan itu dibebaskan, mereka pun balik ke tempat asal dan memberi amaran keras kepada pekedai-pekedai agar janganlah sekali lagi melaporkan kejadian ini kepada pihak polis pada masa depan. Kalau tidak, perompak-perompak ini akan mengugut (threatening) bahawa mereka akan membunuh sesiapa yang terlibat dalam hal ini.

Sebagai akibatnya, seorang peruncit orang Melayu telah dibunuh pada tahun yang lepas. Sampai sekarang pihak polis pun tidak ambil tindakan yang patut atau lebih konkrit untuk menyiasat kes ini.

Memandangkan isu ini sudah sampai ke tahap yang membimbangkan, saya meminta dan merayu kepada pihak polis di Bukit Aman agar menyiasat kes ini dengan bersungguh-sungguh dan mengambil tindakan yang serius untuk memberhentikan masalah ini. Selepas siasatan pihak Bukit Aman bolehlah menghantarkan polis tanpa uniform di kawasan berhampiran dengan Hotel Stanford atau Hankyu Jaya, barulah operasi menangkap orang dijalankan untuk menghapuskan kumpulan ini. Untuk maklumat polis Bukit Aman, kumpulan perompak yang tersebut merupakan sebuah organisasi yang terbesar dan melibatkan lebih daripada 20 orang asing termasuk beberapa orang tempatan.

Saya mempertaruhkan nyawa saya (risk my life) kerana keselamatan saya terganggu atas sebab menyebut hal ini di Parlimen kerana tidak ada ramai orang atau orang lain berani bercakap mengenai hal ini.

Di bawah Program 030200 Anti-dadah, saya berharap agar pihak polis dengan kerjasama DBKL atau RELA dapat mengambil tindakan yang sewajarnya atau menjalankan

operasi-operasi tertentu untuk membasmi atau menghapuskan aktiviti-aktiviti dadah di Wilayah Persekutuan. Setakat ini masih terdapat banyak penagih dadah (drug addicts) di kawasan Bukit Bintang khasnya di Lorong Haji Taib, kawasan Tiong Nam, Kampung Brunei, Pudu, lorong belakang Changkat Bukit Bintang, Jalan Alor dan lain-lain lagi.

Saya pun difahamkan bahawa pihak Jabatan Perdana Menteri telah memberi arahan bahawa semua penagih dadah akan ditangkap sebelum 31hb. Dis 1995 dan saya berharap agar sasaran ini dapat dicapai.

Aktiviti-aktiviti menjual dadah masih aktif lagi di Wilayah khasnya di Jalan Alor dan di Jalan Bukit Bintang dan jikalau tiada tindakan keras diambil oleh pihak Menteri, ini akan menjejaskan sasaran kita untuk merealisasikan Wawasan negara kita.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Serdang.

**3.57 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh Program 030100 - Siasatan Jenayah.

Saya rasa sedih dan dukacita terhadap mekanik Lee Quat Leong yang telah meninggal dunia kerana mendiang Lee ialah seorang penduduk dari kawasan Serdang. Saya sebagai Wakil Rakyat kawasan Serdang mengucapkan takziah kepada keluarga simati.

Tuan Pengerusi, kejadian yang berlaku yang telah diputuskan oleh Mahkamah Majistret di mana anggota polis terlibat menyebabkan kematian mekanik itu. Sepanjang masa ini imej pasukan polis telah dihormati oleh rakyat dan sentiasa dapat kerjasama dari orang ramai. Walau bagaimanapun kejadian sedemikian yang berlaku telah menjejaskan sedikit sebanyak imej pasukan polis. Walau bagaimanapun saya rasa gembira kerana ketegasan

pemimpin-pemimpin kerajaan termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengulas kes ini di mana akan menjalankan siasatan atau meneliti keputusan mahkamah selanjutnya dan juga Peguam Negara telah menyatakan bahawa “He will act without fear and favour”. Ini telah menunjukkan bahawa kejujuran dan keadilan kerajaan untuk menjadikan perkara ini lebih saksama dan supaya memberi satu keadilan kepada keluarga simati ini.

Walaupun bagaimanapun, saya rasa pihak kementerian mestilah mengambil serius terhadap kejadian ini supaya imej pasukan polis yang dihormati sepanjang masa oleh rakyat ini dapat dipulihkan.

Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh dengan Butiran 00100 - Ibu Pejabat Polis dan Butiran 00200 - Balai-balai dan Pondok-pondok Polis.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian apa sebab kawasan Seri Kembangan yang di bawah daerah Petaling telah ditadbirkan di pihak polis daerah Hulu Langat? Oleh kerana Ketua Polis Daerah Hulu Langat menjalankan tugas dari Ampang Jaya ke Bangi - satu kawasan yang luas, maka pentadbiran atau pengawalan keselamatan di kawasan daerah Hulu Langat ini memang ketat, memang serius. Jadi, macam mana caranya untuk memberi layanan lebih adil dan untuk mengawal keselamatan di kawasan Seri Kembangan yang di bawah jagaan daerah Ulu Langat. Mungkin masa sudah sampai di mana kawasan Seri Kembangan yang di bawah daerah Petaling ini diserahkan balik kepada pentadbiran Ketua Polis Daerah Petaling Jaya. Dan juga saya ucap terima kasih kepada pihak kementerian dan Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Pontian telah memberi pertolongan supaya peruntukan sebanyak RM4 juta telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan juga akan diteruskan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk membina semula

Balai Polis Seri Kembangan kerana Balai Polis Seri Kembangan telah diwujudkan pada zaman darurat. Kalau orang yang telah ditahan yang memasuki Balai Polis Seri Kembangan tidak boleh - tidak ada lokap lagi. Kelengkapan atau kemudahan di Balai Polis Seri Kembangan memang tidak wujud.

Maka dengan adanya peruntukan yang akan disalurkan untuk mendirikan semula Balai Polis Seri Kembangan itu, maka pentadbiran polis di Seri Kembangan sepatutnya diserahkan kepada Ketua Polis Daerah Petaling Jaya dan juga oleh kerana kawasan Seri Kembangan ini, kawasan besar terlibat dengan lebih kurang 100,000 orang di kawasan tersebut, maka hendaklah juga kalau kementerian telah bersetuju untuk mengalih balik ke bawah daerah Petaling Jaya, maka seorang Timbalan OCPD patut ditempatkan di kawasan Seri Kembangan untuk mengawal keselamatan, memandangkan pembangunan pesat dijalankan di kawasan tersebut, termasuklah pusat pelancongan (mines resort) di situ dan Selangor Turf Club dan juga termasuk Universiti Pertanian Malaysia.

Oleh kerana dengan wujudnya pusat pelancongan dan juga ada Selangor Turf Club di situ, maka kawalan keselamatan patut diperketatkan lagi. Tanpa ada pasukan polis dengan bilangan yang besar, maka saya khuatir, kejadian-kejadian untuk mengugut atau sebarang hal yang tidak diingini mungkin berlaku ke atas pelancong-pelancong yang akan melawat ke mines resort tersebut.

Maka dengan yang demikian, saya mintalah pihak kementerian menimbangkan perkara ini. Dan juga saya telah menghantar surat kepada Ketua Polis Negara untuk menimbangkan permohonan ini supaya Seri Kembangan akan dibawa balik ditadbirkan di bawah daerah Petaling Jaya.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi berkenaan dengan di kawasan Serdang ini, di kawasan saya ini memang banyak perumahan telah diwujudkan, terutama sekali di kawasan Puchong. Kawasan Puchong akan merupakan satu bandar baru dengan dianggarkan sebanyak 100,000 unit rumah telah dan akan didirikan.

Pada waktu ini, di kawasan Batu 8, Puchong sahaja telah lebih 10,000 unit telah diwujudkan. Dan pembinaan masih diteruskan sehingga Batu 8, Puchong mempunyai 50,000 unit rumah. Pada waktu ini, tidak ada pondok polis, tidak ada balai polis. Kawasan perumahan sentiasa berlaku kejadian kecurian, sebab tidak ada polis. Kalau apa-apa hal yang berlaku, terpaksa pergi ke Petaling Jaya, tetapi ini bersempadan dengan Wilayah Persekutuan.

Kadang-kadang oleh kerana tersilap sedikit, kawasannya memang di bawah jagaan Wilayah Persekutuan, maka itu adalah satu masalah besar jikalau berlaku apa-apa kejadian yang berlaku di situ. Maka sepatutnya balai polis hendaklah dibina di Batu 8, Puchong, ikut syarat-syarat yang tertentu yang diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri di mana pembinaan balai polis dengan syarat-syarat yang tertentu, maka ini mungkin syarat-syarat yang di kawasan Batu 8, Puchong ini memang cukuplah syarat-syaratnya.

Saya menyerahkan kepada pihak kementerian di atas kebijaksanaan kementerian untuk menimbang cadangan ini supaya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh akan dapatlah sebuah balai polis yang boleh menjaga yang menjaga keselamatan di kawasan Batu 8, Puchong ini. Dan juga sama seperti di kawasan Jalan Balakong, sepanjang Jalan Balakong ini, beribu-ribu rumah dan kawasan perindustrian telah diwujudkan, tidak ada pondok polis, tidak ada balai polis, berbagai-bagai kejadian mungkin berlaku .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

**Dato' Yap Pian Hon:** Jadi, saya mintalah pihak kementerian juga menimbang dan juga saya telah mengemukakan permohonan untuk membina Balai Polis di Jalan Balakong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Pokok Sena.

**4.15 ptg.**

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, saya sebenarnya akan berucap hanya berhubung dengan Butiran 020200 iaitu kisah Pas Penggajian dan Buruh Asing. Kisah-kisah lain saya tidak mahu sentuh sebab kementerian ini telah berjalan dengan baik. Kecuali ada beberapa perkara yang dibangkitkan, kecuali kerana ada kematian baru-baru ini yang disebabkan oleh polis. Itu saya rasa bukanlah selalu berlaku dan itu barangkali sebagai accident yang saya rasa bukan boleh disalahkan kepada semua polis. Ahli Parlimen pun bukan semuanya baik, ada yang tak baik, hakim pun ada yang kata tak baik. Perkara ini memang berlaku.

Jadi, saya hendak menyentuh tentang soal buruh asing. Sebab, saya rasa saya telah bangkitkan perkara ini berhubung dengan task force dan saya ucap terima kasih kepada kementerian yang telah menambah pegawai-pegawai di task force dan saya harap task force akan dapat berjalan dengan lebih baik supaya kita dapat memastikan urusan buruh-buruh asing ini dengan lebih tertib.

Tetapi, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbala Menteri sedar, bahawa sejak kita membekukan agensi-agensi buruh asing ini, ada

beberapa perkara berlaku? Terutama sekali, kita bekukan, saya tahu puncanya kita bekukan sebab ada agensi-agensi luar negeri seperti di Bangladesh dengan mengambil kesempatan untuk mendera buruh-buruh asing yang hendak datang ke negara kita.

Tetapi, selepas kita mengambil tindakan untuk membekukan agensi-agensi di negara kita, kita telah melantik task force, tetapi negara-negara tersebut seperti di Bangladesh telah melantik satu agensi untuk negara Bangladesh. Jadi, kita berurusan 'G-to-G'. Tetapi, Bangladesh ataupun di negara-negara seperti Indonesia dan Bangladesh, agensi yang sama telah menggunakan agensi-agensi yang sebelum itu sebagai agensi untuk mencari, membekalkan pekerja asing kepada agensi yang dipilih oleh kerajaan.

Sekarang ini, agensi yang dipilih oleh kerajaan itu datang ke Malaysia ini menubuh pejabat di Kuala Lumpur ini sebagai cawangan dan berurus terus dengan majikan-majikan. Jadi, sekarang ini nampaknya seperti kita ini 'menyusukan kera di hutan', kita buang semua agensi kita, lepas itu kita ambil agensi-agensi lain di negara Indonesia, di negara Bangladesh datang ke Kuala Lumpur. Yang dahulunya, saya tahu orang-orang Indonesia yang PR ini, yang dahulu buat secara haram, sekarang ini telah menjadi ejen-ejen kepada agensi yang telah dipilih oleh Kerajaan Indonesia contohnya. Dahulu, naik teksi, naik basikal, sekarang ini pakai Mercedes puak-puak ini. Ini saya hendak memberitahu, ini minta supaya pihak kementerian ini panggillah agensi-agensi yang telah dibekukan, tanya perkara ini, saya bercakap dalam perkara ini bukannya dengan tidak membuat kajian.

Saya mengkaji perkara ini, bukan untuk kepentingan diri, saya tidak ada ejen, sayalah manusia yang paling benci sekali kepada pendatang asing, kepada buruh asing ini, tetapi tak terdaya. Oleh sebab negara kita tidak dapat hendak membantu untuk mendapatkan pekerja-pekerja tempatan. Seperti yang saya selalu bercakap, sekarang ini siapa yang hendak jadi orang gaji di rumah, susah hendak dapat orang gaji daripada tempatan sebab kerja orang gaji di rumah ini selama 24 jam - pembantu rumah. Selepas itu, siapakah yang hendak pergi bekerja di estet kelapa sawit, kalau dia boleh jual burger RM30 sehari, jual nasi lemak RM50 sehari? Jadi, itu kita tidak dapat menyalahkan kepada orang-orang tempatan kita.

Oleh itu kita memerlukan buruh-buruh asing ini. Oleh itu saya meminta kementerian ini supaya mengambil satu sikap supaya kita dapat memberi keadilan kepada semua. Apa

salahnya kalau kita beri tugas kepada agensi-agensi ini, agensi-agensi yang telah membayar RM100,000 sebagai bank guarantor kepada kerajaan, sekarang ini mereka dibekukan dan tidak diberi balik wang RM100,000 itu. Sekarang ini kita memberi peluang kepada orang-orang Indonesia dan Bangladesh, datang membuka office di sini dan mengaut keuntungan yang sepatutnya diberi kepada agensi-agensi kita, di mana kalau agensi-agensi kita, banyak pekerja-pekerja.

Sesungguhnya seperti yang selalu di bangkitkan oleh Ahli dari Kota Melaka kisah orang agensi ini menjadi jutawan, tetapi pada pendapat saya, sebagai agensi ini tidak boleh hendak jadi jutawan, dia kena cari cara lain. Barangkali dia untung RM200,000 - RM300,000 dia pergi naik ke Genting - pergi tambah, barangkali dia boleh menjadi jutawan dengan hal itu. Tetapi kalau hendak mendapat untung dengan cara agensi ini, saya tidak fikir. Jadi, saya berharap supaya kementerian menyelidik perkara ini supaya jangan memberi peluang kepada orang asing ini untuk mengambil kesempatan dan kerajaan pula menjadi seperti 'menyusukan kera di hutan', agensi kita, kita hapuskan, kita galakkan agensi-agensi yang lain.

Tuan Pengerusi, kita dapati banyak pendatang-pendatang asing yang masih datang secara haram dan saya juga mendapat laporan - bukan kita hendak membuat fitnah, bahawa polis kita tidak terdaya hendak menjaga mereka ini. Jadi, saya mintalah kerjasama tentera, sebab kalau terlampau banyak, penjara pun tidak celus, makanan pun terlampau banyak kita hendak beri, jadi, kita harap supaya kita gunakan tenaga tentera kita, navy kita, marin kita, askar kita untuk menjaga supaya pendatang-pendatang haram ini tidak dapat datang dengan begitu senang, selepas itu pergi kepada agensi-agensi di mana agensi yang datang daripada

negara luar yang berpusat di Kuala Lumpur ini untuk mendapatkan segala kemudahan untuk bekerja di tempat-tempat yang dipilih oleh agensi berkenaan.

Jadi, saya mintalah kepada Kementerian Dalam Negeri supaya panggil agensi-agensi yang telah dibekukan ini, tanya pendapat-pendapat mereka, kalau mereka ini bersalah, tarik balik lesen agensi mereka itu, tetapi kalau mereka berjalan dengan baik kenapakah kita tidak membenarkan, sebab agensi ini menolong majikan. Sekarang ini saya diberitahu bahawa agensi ini tidak diberi peluang. Kalau majikan hendak pekerja, majikan itu kena datang sendiri ke Imigresen. Kadang-kadang pula pihak task force ini dia tidak hendak pegawai yang rendah-rendah daripada sesuatu syarikat, dia hendak MD ataupun Pengarah Personnel, datang beratur. Saya dapat tahu yang duduk beratur di situ ialah pegawai yang besar-besar.

Jadi, saya rasa ini tidak berapa praktik, sebab agensi ini dia menolong. Majikan lebih suka agensi ini, mereka sanggup membayar kepada agensi ini, sebab agensi ini menolong mengambil pekerja-pekerja asing dan menolong menghantar balik apabila pekerja asing ini tamat tempoh mereka bekerja. Jadi, saya harap perkara ini dapat diambil tindakan, tolonglah panggil dan tanya apa salah mereka, sebab duit mereka ada RM100,000 sebagai guarantor, apa salahnya panggil dan minta pendapat dan beri amaran yang tegas supaya jangan menyeleweng, kalau menyeleweng tarik balik kebenaran yang diberi.

Jadi, saya berharap dengan perkara-perkara yang seperti ini, yang saya dapat cadangkan untuk kebaikan kementerian dan juga kebaikan negara kita. Sekian, terima kaish.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Batu Gajah.

**4.15 ptg.**

**Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Perkara B.36 - Polis Diraja Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan objektif dan strategi yang dikemukakan oleh Polis Diraja Malaysia. Objektifnya ialah memelihara dan mengekalkan keamanan, ketenteraman awam dan juga keselamatan negara. Strateginya menyatakan bahawa pasukan Polis Diraja Malaysia sentiasa bergiat cergas dan pantas demi mencapai objektifnya untuk mengekalkan dan memelihara keamanan, ketenteraman dan keselamatan negara. Sehingga kini prestasi pasukan Polis Diraja Malaysia adalah membanggakan di mana kebanyakan kejadian-kejadian jenayah telah dapat diselesaikan dalam jangka masa yang cepat.

Tetapi saya berasa kesal dan kecewa mengenai penjelasan oleh Timbalan Menteri pada minggu lepas mengenai kes amok oleh anggota polis. Saya kurang berpuas hati dengan jawapan tersebut. Ianya tidak menjawab persoalan pokok yang saya utarakan, iaitu mengapa pihak polis tidak mengambil tindakan tegas untuk menangkap anggota polis berkenaan sedangkan pihak polis mempunyai tempoh yang panjang dari jam 4.00 pagi ketika beliau menembak dua orang anggota polis di Slim River sehingga jam 1.30 petang di rumah saya di Ipoh. Saya sendiri nyaris ditembak mati.

Tuan Pengerusi, kemungkinan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak diberikan maklumat yang tepat atau butir-butir terperinci dan saya juga berharap Yang Berbahagia Ketua Polis Negara (IGP) sendiri akan membuat siasatan mendalam tentang kejadian itu oleh kerana kejadian mengamuk itu telah menjadi 'talk of the town', dengan izin, dan ianya akan menjejaskan imej dan kehormatan pasukan Polis.

Tuan Pengerusi, pada 28hb. September, 1995 si pengamok itu merampas senapang M.16 di Istana Kinta serta menembak seorang lelaki tua, seorang kanak-kanak berusia 7 tahun, anjing saya dan juga mencederakan beberapa orang lagi di samping merosakkan beberapa buah kereta orang awam. Saya hendak bertanya mengapa pihak polis tidak bersikap tegas dalam hal ini dan membiarkan beliau lepas lari? Saya rasa jika pihak polis telah

bertindak lebih cekap, anggota polis berkenaan tidak berpeluang untuk menembak secara rambang ke arah orang awam serta mencederakan mereka. Keadaan ini menunjukkan bahawa pihak polis cuba menyembunyikan sesuatu dari pengetahuan umum dan tidak menerima hakikat tentang kesilapan mereka, sedangkan pihak polis sepatutnya bertindak cekap untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa sebelum anggota polis berkenaan pergi ke Istana Kinta untuk merampas rifle M.16 serta menembak mati orang awam, sekumpulan besar, kira-kira 30 orang anggota-anggota polis telah diarah ke rumah pengamok itu dan memberi arahan supaya anggota polis berkenaan menyerah diri, tetapi pengamok itu mengelak dan sebaliknya bertindak liar dengan melepaskan tembakan ke udara di luar rumahnya. Selepas itu anggota-anggota polis di sekeliling rumah pengamok itu bersurai.

Tuan Pengerusi, saya langsung tidak faham mengapakah anggota-anggota polis itu bersurai? Saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai bayaran pampasan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam kejadian amok tersebut. Walaupun saya difahamkan bahawa polis tidak mempunyai peruntukan untuk itu, saya memohon agar kerajaan memikirkan satu cara lain untuk memberi pampasan yang sewajarnya kepada mangsa-mangsa berkenaan atas dasar kemanusiaan. Ini akan dapat mengelakkan daripada mangsa-mangsa mengambil tindakannya sendiri dan ini juga akan menunjukkan kepada rakyat jelata betapa kerajaan mengambil berat tentang masalah ini. Tambahan pula, ketika kejadian itu berlaku pengamok Koperal Baharum masih di dalam tugas sebagai pekerja kerajaan - seorang anggota polis.

Tuan Pengerusi, kesan dari itu, sebanyak 9 orang telah cedera termasuk 2 orang anggota polis dan 2 orang meninggal dunia. Mangsa-mangsa kejadian memerlukan belanja perubatan antara RM5,000 hingga RM6,000 seorang akibat dari kejadian itu dan ada yang terpaksa menanggung kos kerosakan kereta serta kehilangan anggota keluarga yang disayangi tanpa apa-apa sebab.

Tuan Pengerusi, seorang mangsa wanita, Cik Yong yang terkena tembakan di tangannya kini tidak dapat menggerakkan tangan beliau dan tidak boleh bekerja. Beliau juga terpaksa menjalani latihan fisioterapi setiap hari manakala sepupu kepada budak berusia 7

tahun yang telah meninggal dunia dalam kejadian itu juga telah ditembak pada paru-paru dia dan beliau kini mengalami kesukaran untuk bernafas walaupun telah menjalani pembedahan.

Tuan Pengerusi, saya kawatir pasukan Polis DiRaja Malaysia mencapai prestasi yang begitu baik dan membanggakan, benar atau tidak?

Tuan Pengerusi, saya minta jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk membantu mangsa-mangsa tersebut dan juga memberi penjelasan yang terperinci. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kubang Kerian.

**4.21 ptg.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, B.35, Butiran 010000 - Pentadbiran Keselamatan dan B.36, Butiran 040000 - Risikan Keselamatan.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya tentang kedudukan mutakhir anggota-anggota Parti Komunis Malaya yang telah pun menandatangani perjanjian damai dan berapa orang yang telah pun pulang ke Malaysia dan berapa orang yang telah dipulihkan melalui Kementerian Dalam Negeri sama ada ditahan di bawah ISA dan dibebaskan dan berapa orang yang masih lagi berada di sebelah Thailand?

Ekoran daripada usaha yang dibuat oleh Kerajaan Thailand dan juga Polis DiRaja Malaysia dan Kerajaan Malaysia sehingga membawa pihak Parti Komunis Malaya berdamai dengan Kerajaan Malaysia dan program pemulihan kepada mereka dijalankan. Adakah pihak Malaysia rasa terhutang budi, maka pihak Malaysia pula terpaksa berbuat sesuatu kepada pihak Thailand untuk membalas jasa-jasa Thailand yang telah berusaha supaya Parti Komunis Malaya menandatangani perjanjian damai dengan Malaysia.

Sekarang ini kita lihat satu perjanjian damai yang sedang diusahakan iaitu Gerakan Pembebasan Pattani yang telah membuat rundingan beberapa kali di Malaysia ini. Di antaranya diadakan rundingan di Alor Setar, di Hotel Perdana, Kelantan dan di Kuala Lumpur. Saya ingin tahu, setakat mana penglibatan pihak Kerajaan Malaysia, khasnya pihak Kementerian Dalam Negeri dalam perjanjian damai ini sebab perjanjian damai yang diutarakan 22 perkara itu.

Tuan Pengerusi, dalam usaha untuk memajukan segi tiga utara iaitu termasuk daerah Pattani, Perlis, Pulau Pinang dan Kedah, juga Sumatera Utara. Daerah ini perlu ada perdamaian. Dengan ada perdamaian, maka pembangunan daerah itu dapat diusahakan. Adakah tekanan dari pihak Kerajaan Thailand kepada Malaysia supaya berusaha memujuk pejuang-pejuang Pattani ini untuk ke meja rundingan yang telah berlaku tiga kali atau empat kali, yang setahu saya lebih kurang tiga kali dan kalau ada tekanan, apakah sikap Malaysia terhadap rundingan tersebut dan bagi Kerajaan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri, puak manakah yang disokong?

Adakah puak BRN, puak BNPP ataupun puak POLO ataupun puak-puak kecil yang lain yang terdiri daripada tok-tok guru pondok ataupun golongan yang dipanggil golongan Wahabi ataupun kumpulan-kumpulan serpihan daripada BNPP. Pasukan manakah yang disokong ataupun Malaysia berusaha supaya semua puak bersatu dan berdamai dan tentang perdamaian itu, sikap Kerajaan Malaysia setakat mana setakat ini dan ianya berlaku di Malaysia, sudah tentulah pihak polis tahu rundingan-rundingan ini dan pihak Kementerian Dalam Negeri tahu segala-galanya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh hal yang disebut tadi iaitu soal Penyiasatan Jenayah - Butiran 030000. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang

membongkarkan segala bentuk penyeksaan yang berlaku dalam lokap sehingga terbunuh akibat daripada seksaan tersebut. Cuma ada beza di sudut kaum menangani perkara ini. Kalau ianya berlaku misalnya kepada kaum Cina, kita lihat DAP dan MCA begitu aktif untuk membongkar ataupun membela perkara ini tetapi kalau kejadian kematian dalam lokap terjadi kepada orang Melayu, saya lihat perkara ini pelik sedikit termasuk UMNO dan PAS, tidak mengambil berat perkara ini kerana bagi mereka, mereka menganggap perkara ini takdir mati dalam lokap, takdir mati dalam sungai.

Ini kejadian yang ditanggapi oleh dua kaum yang berbeza. Sebab itulah kita lihat dahulu kejadian tersalah tembak di Kampung Kerinchi terhadap seorang budak Melayu berumur lebih kurang 18 tahun. Masyarakat tidak mengambil tahu dan PAS dan UMNO sendiri tidak mengambil berat perkara itu kerana mereka anggap itu kejadian takdir. Begitulah juga kejadian-kejadian kematian dalam lokap yang lain.

Di sini saya ucapkan syabas kepada MCA dan DAP kerana bila berlaku kematian seperti itu, bukan mereka bela di atas kaum mereka tetapi kita lihat mereka lebih concern perkara seperti itu dibanding dengan kita, orang-orang Melayu bila kejadian kematian di dalam lokap. Dalam kejadian itu, kita amat kesal sebab kita yang biasa duduk dalam lokap, kita tahulah. Saya sendiri tidaklah diseksa di bawah ISA tetapi saya dengar di sebelah jeritan-jeritan, tangisan, seksaan bagi mereka yang tidak dikenakan di bawah ISA politik.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya juga ingin menyentuh soal B.40 - Jabatan Penjara iaitu Butiran 020000 - Keselamatan dan Butiran 030000 - Pemulihan.

Dalam penjara kita lihat semalam dijawab tentang bagaimana pengedar-pengedar dadah begitu boleh masuk dan mengedar dadah di kalangan kakitangan penjara dan juga daripada banduan-banduan itu sendiri sedangkan mereka di dalam penjara, adalah kawasan

yang terkawal, kawasan yang beruniform, kawasan yang ada disiplin. Bagaimana kejadian ini boleh berlaku dengan begitu berleluasa dan kalau tidak pun berleluasa, hampir berleluasa di mana dadah dapat masuk. Kadang-kalanya pegawai-pegawai penjara itu menjadi pembekal dadah kepada mereka yang duduk dalam tahanan ataupun di dalam penjara. Ini pihak Kementerian Dalam Negeri hendaklah melihat perkara ini dengan secara serius supaya kita tidak ditertawakan iaitu pasukan beruniform yang berdisiplin boleh jadi sedemikian rupa.

Bahagian Pemulihan pula kita lihat, penjara misalnya mesti banduan-banduannya diberi kursus ataupun diberi ajaran sivik secara menyeluruh iaitu dalam penjara pendidikan moral sebab dalam penjaralah tempat yang paling mudah untuk seseorang itu insaf dan merenung keadaan masa depannya untuk bergerak ke arah mana, sama ada hendak ulang perbuatan yang terdahulu ataupun hendak meneruskan kerja-kerja yang jahat yang dibuat sebelum beliau dipenjarakan.

Setelah ada pengajian umum iaitu dalam bentuk moral, maka setiap kaum ataupun setiap agama tentu ada juga pendidikan khas. Bagi orang Islam, ada guru-guru, ada ustaz-ustaz yang masuk untuk mengajar banduan-banduan ini. Memang telah ada sekarang ini tetapi kita mahu ia diperbanyakkan lagi. Kita lihat di penjara-penjara di luar negeri misalnya di Amerika Syarikat, kita kena lihat bahawa terutama sekali penjenayah-penjenayah banyak yang memeluk agama Islam setelah mereka masuk ke dalam penjara. Di antaranya ialah peninju terkenal, Mike Tyson, yang sekarang ini telah bertukar kepada nama Abdul Malek. Yang saya hendak tekankan di sini, ertinya di situ kalau ada pelajaran-pelajaran memperkenalkan agama kepada mereka ataupun menginsafi mereka, mereka mudah untuk balik ke pangkal jalan.

Di Amerika Syarikat, kita lihat bahawa sekarang ini kalau seseorang penjenayah itu keluar daripada penjara selalunya dia jadi orang beragama bahkan dia masuk sebagai seorang penjenayah, dia keluar sebagai seorang pendakwah. Dia masuk sebagai seorang penjenayah, dia keluar sebagai seorang tok imam tetapi di Malaysia, dia masuk sebagai penjenayah, dia keluar sebagai seorang penjenayah juga.

Ini satu perkara yang peliklah sedangkan agama rasmi kita adalah agama Islam sedangkan di Amerika diberikan kebebasan di mana dalam penjara itu pihak Kristian boleh masuk berdakwah, pihak Buddha pun boleh, Hindu pun boleh, Islam pun boleh tetapi apa boleh buat? Penghuni penjara di Amerika memilih Islam di mana bila mereka didedahkan dengan pelajaran Islam terutama keturunan 'black', mereka ini lebih suka memilih Islam setelah mereka keluar daripada penjara.

Ini bukan satu dua angka, tetapi sudah berpuluh ribu sekarang ini yang telah memeluk agama Islam dan mereka telah menjadi orang baik selepas itu. Jadi, di sini, hal penjara ini kita kena fikir lagi sebab apa, keluar daripada penjara, dahulu dia mencuri telur ayam, selepas keluar dari penjara, dia rompak basikal pula. Selepas keluar lagi sekali, dia rompak bank. Jadi, ini satu perkara yang kita lihat penjara di Malaysia tidak dapat menginsafkan mereka. Kajian perlu dibuat tentang perkara ini.

Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukit Bendera.

**4.31 ptg.**

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah Kementerian Dalam Negeri Maksud B.36 iaitu Polis Diraja Malaysia, cuma satu tajuk sahaja.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1980-an, jenayah perdagangan atau dengan izin, white-collar crimes telah menjadi keutamaan polis kerana terdapat kejadian jenayah di kalangan orang yang memakai tie atau kot. Saya difahamkan, pada masa itu ramai pegawai polis atau pegawai pendakwa telah dihantar ke negara luar dan diberi latihan di bidang commercial crime ini.

Sekarang kita di dalam tahun 1990-an dan menuju abad ke-21. Jadi, jenayah-jenayah yang berkaitan dengan era ini biasanya bersangkutan dengan elektronik dan komputer. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada polis telah menubuhkan satu cawangan khas untuk jenayah elektronik. Apakah kepakaran polis dalam bidang ini? Walaupun jenayah elektronik merupakan satu trend pada masa depan, sekarang telah wujud di negara kita. Jadi, apakah peruntukan di bawah Program 030300 - Jenayah Perdagangan yang diperuntukkan untuk menangani jenayah elektronik ini?

Saya sebut demikian kerana terdapat banyak maklumat, sama ada dari kerajaan atau swasta telah bercorak on-line atau elektronik. Semua bank pun ada kemudahan-kemudahan ATM dan electronic transfer. KLSE pun dijalankan melalui on-line computer dan melalui Central Depository System (CDS). Semua saham melalui CDS pun menjadi scriptless. Jadi, adalah wajar jika Kementerian Dalam Negeri mengambil langkah proaktif untuk menghadapi masalah seperti ini sebelum masalah ini menjadi satu masalah besar-besaran.

Adakah polis mempunyai daya upaya untuk menangkap jenayah baru ini yang dikatakan 'cyber groups'? Masalah ini tidak boleh dipandang dengan ringan kerana melalui internet dan lebuhraya maklumat atau information super highway, lebih banyak kesempatan jenayah boleh dilakukan. Melalui Internet, terdapat banyak maklumat yang sangat berfaedah, tetapi terdapat banyak bahan-bahan maklumat yang boleh dikatakan lucuh.

Walau bagaimanapun, bahan-bahan lucu dan Internet ini adalah segelintir jika dibandingkan dengan lain-lain maklumat yang lebih berfaedah. Pihak polis perlu mempunyai teknologi yang canggih untuk mengatasi apa yang dikatakan 'cyber porno' ini.

Saya berharap pihak kementerian akan mengambil langkah dan tindakan sebelum kita sampai ke peringkat seperti di Amerika Syarikat di mana perkhidmatan seks pun telah diiklankan dalam internet.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu berhati-hati dengan fenomena baru di Parlimen, apa yang saya katakan cyber politikus yang selalu mengemukakan soalan berkenaan dengan E-mail Internet, *Jaring*, information technology, penggunaan E-mail, sama ada kita boleh membuat urusan surat-menyurat dengan jabatan kerajaan melalui E-mail, sama ada kita boleh membayar saman atau kompaun melalui komputer dan sebagainya.

Jadi, saya dengan ini berharap bahawa walaupun ini adalah satu trend pada masa hadapan, saya berharap kementerian dapat mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yan.

**4.36 ptg.**

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya pun ingin menyentuh tentang Butiran 020000, Program 020200 iaitu Pas Penggajian dan Buruh Asing.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Pokok Sena tadi iaitu tentang pengurusan syarikat-syarikat untuk membawa buruh asing masuk ke Malaysia. Saya mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri supaya mengadakan satu

konsortium atau satu perjumpaan dan menubuhkan konsortium supaya mereka ini dapat bergerak secara lebih tersusun dan teratur.

Kita tidak mahu syarikat-syarikat lain mengaut keuntungan hasil daripada pendapatan daripada kemasukan buruh-buruh ini. Jadi, kadang-kadang barangkali prosedur itu tidak tersusun dengan baik, maka pihak syarikat-syarikat ini tidak faham. Malah, kita dapat lihat banyak syarikat-syarikat asing yang masuk ke dalam negara kita ini membawa buruh-buruh daripada negara mereka dan mereka ini kadang-kadang bukannya semua mempunyai rekod yang baik.

Sekarang ini kita hendak transfer teknologi, kita mahu. Tetapi kalau kalau transfer of crimes, ke negara kita, yang ini masalah. Jadi, saya harap Kementerian Dalam Negeri berhati-hati kerana hari ini saya baca dalam surat khabar tiga orang pengedar dadah daripada Indonesia terlibat dalam pengedaran dadah. Jadi, yang saya ingin tahu sekarang ini, berapa ramaikah pendatang asing yang telah mendaftar di Malaysia dan mungkin kementerian tidak ada angka berapa ramai pula yang masuk, tidak didaftar dan berada di dalam negara kita ini? Mungkin mereka ini jugalah orang-orang yang terlibat di dalam kegiatan jenayah.

Jadi kalau mereka ini masuk melalui syarikat-syarikat yang membawa buruh-buruh asing ini, maka syarikat itu bertanggungjawab. Seandainya mereka melakukan kesilapan jenayah dan sebagainya, syarikat ini bertanggungjawab untuk mencari di mana mereka berada dan membantu pihak polis untuk menyelesaikan masalah.

Jadi, sekarang ini, kita bimbang juga. Memang kita perlu kemasukan buruh asing, tetapi kita bimbang keselamatan. Kita tidak mahu, kadang-kadang, .00setengah-setengah kawasan, kita sendiri sudah tidak berani hendak pergi ke kawasan itu. Kita sudah tidak berani berjalan. Kita sebagai rakyat Malaysia tidak berani berjalan di sesuatu kawasan kerana bimbang keselamatan.

Begitu juga kalau di Sabah, kita kena control juga. Saya takut satu hari nanti pendatang asing melebihi rakyat Sabah. Ini problem kita. Jadi, kita kena tengok. Kadang-kadang, kita pun naik bimbang jugalah kerana kebimbangan ini kalau kita tidak jaga dengan sebaik-baiknya, kita akan menghadapi masalah di masa akan datang.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, apakah tindakan pihak Kementerian Dalam Negeri apabila seseorang pendatang asing itu dia menikah dengan orang sini? Sekarang ini trend baru, dia menikah dengan orang sini. Yang perempuan mencari lelaki di sini dan yang lelaki di sana mencari perempuan di sini. Bila dia menikah, kadang-kadang dia menikah untuk mendapat kerakyatan dan sebagainya. Sidara ini, kena rayuan, dia mahulah menikah dan sebagainya. Jadi, dia dapat kerakyatannya, dia tinggalkan pula.

Jadi, apakah tindakan pihak kementerian supaya memastikan bahawa buruh-buruh asing ini masuk dengan ikhlas hendak cari makan dan bekerja di sini. Lagi satu, kita kena tengok juga welfare mereka. Mereka ini manusia. Kadang-kadang, mereka orang Islam, tetapi kita benarkan mereka berkhidmat di rumah orang bukan Islam. Ini satu tanggungjawab kita Tuan Pengerusi. Sebagai kerajaan memerintah, kita melibatkan diri kita dengan membenarkan orang Islam berkhidmat atau bekerja dengan orang bukan Islam, memasak dan sebagainya, makan benda-benda yang haram, benda ini salah, Tuan Pengerusi. Ini pandangan saya. Ada yang terpaksa lari dan sebagainya. Jadi, saya berharaplah kalaulah dia itu orang Islam, permohonannya biar bekerja dengan orang Islam. Kalau bukan Islam tidak apalah. Macam orang Filipina yang bukan Islam, yang Kristian dan sebagainya, mereka boleh berkhidmat secara terbuka dan sebagainya. Jadi, yang ini saya harap Kementerian Dalam Negeri awasi pasal sudah banyak yang berlaku. Kadang-kadang mereka sampai nak buat amal ibadat pun tidak boleh. Hendak kena samak dan sebagainya. Jadi, yang ini saya terima kompelin-kompelinlah dan ada yang lari daripada rumah dan sebagainya. Jadi, saya harap kementerian ambillah ingatan ini dan saya harap juga bahawa kementerian akan pastikan ada satu sistem yang tersusun dan teratur. Kita himpulkan semula

syarikat-syarikat ini dan adakan satu konsortium yang besar dan mereka ini diberi bimbingan, panduan supaya dapat memasukkan pekerja-pekerja ini dengan lebih mudah.

Cuma satu lagi Tuan Pengerusi, saya hendak tanya, fasal apakah Kementerian Dalam Negeri ataupun Jabatan Imigresen memerlukan Borang J yang asli (original) tentang latar belakang pendapatan seseorang itu. Kalau pun yang difotostat dan yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah, saya ingat yang itu sudah cukup. Kalau kita beri satu, kita sudah tidak ada lagi kerana itulah yang original, setahun kita dapat satu sahaja Borang J ini. Jadi, adakah ini peraturannya? Saya minta pihak kementerian tolong buat kajianlah.

Satu lagi Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan tahniah kepada pasukan polis walaupun kadang-kadang orang menyalahkan polis disebabkan oleh sesuatu yang mereka lakukan tetapi bagi saya mereka ini ditubuh dan diwujudkan untuk menjaga keselamatan dalam negara kita. Kadang-kadang kita bersimpati dengan pihak polis, kita dok tidur tengah malam, mereka ada di atas jalan raya. Kita dok tidur tengah malam, mereka berhadapan dengan perompak. Tidak tentu nyawa mereka ini. Jadi, saya bersimpati walaupun kadang-kadang kita terlajak, tersilap dan sebagainya. Perkara ini memanglah. Kadang-kadang kita makan pun Tuan Pengerusi, kita tergigit lidah kita. Kita ingatkan lauk, rupa-rupanya lidah. Jadi, manusia ini mana ada yang betul semua. Jadi, saya ingat pihak-pihak yang tertentu, janganlah kita kalau-kalau tersilap sedikit-sebanyak, kita serang polis tidak habis-habis. Yang ini tidak adillah. Kerana kalau tidak ada polis, macam tadi Yang Berhormat dari Serdang kata, tidak ada balai polis dia pun pening. Jadi, bila ada polis silap sedikit, kita marah.

Saya bukanlah kata hendak mempertahankan polis. Memang Tuan Pengerusi, kita tidak rasa sebab kita tidak biasa tetapi kalau kita dalam keadaan tertentu di mana kita

terserempak dengan penyamun dan sebagainya, di saat-saat demikian Tuan Pengerusi, kalau kita tidak bersedia, kita akan menjadi mangsa. Jadi, kita bersimpati dengan pihak polis. Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, kita berilah ganjaran. Saya tengok di sini ada kita hendak beri elaun rumah tambahan dan sebagainya. Yang itu bagus Tuan Pengerusi. Kerana saya tengok kadang-kadang dalam hujan dan basah, Polis Trafik masih dok jaga jalan raya. Bila "jam" sedikit orang marahkan Polis Trafik. Bila disaman pun orang marah Polis Trafik. Jadi, semua tidak kena. Jadi, akhir-akhirnya polis ini dia 'bebal', dia tinggalkannya macam hari itu, sehari, kelam-kabut seluruh Kuala Lumpur. Yang ini macam bini kitalah Tuan Pengerusi, dia duduk di rumah, kadang-kadang kita dok marah-marah. Dia bebal sekali, dia merajuk dan balik kampung, nasi bungkus bolehlah dekat dua tiga hari. Lepas itu macam kucing hendak beranaklah kita jadinya. Manusia ini macam-macam.

Cuma Tuan Pengerusi, saya hendak tanya, Balai Polis Yan ini bila hendak dibuat? *[Ketawa]* Amboi mak! Lama sangat! Mintalah! Balai Polis Yan ini bila hendak dibuat? Saya pun kasihanlah anggota-anggota polis ini, balai tidak cukup. Dulu balai kecil, sekarang sudah jadi Balai Polis Daerah, gunakan Balai Polis Yan itu jadikan Pejabat Polis Daerah. Jadi, saya mintalah kerjasama pihak kementerian, cepatlah sedikit pembinaan Balai Polis Yan. Sungguhpun kawasan saya ini aman, kerana Wakil Rakyatnya pun baik. Jadi, bila aman ini tidak semestinya balai polis ini tidak sempurna, kena beri sempurnalah.

Lagi satu Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap pasal ini, apa jadi dengan kamera yang ambil gambar dekat persimpangan-persimpangan jalan (junction) ini? Kelmarin saya lintas lampu merah, kamera tidak menyala. *[Ketawa]* Pasal saya lewat untuk hadir ke Dewan Rakyat, saya kelam-kabut. Janganlah saman saya pula. Saya hendak habaklah. Jadi, kamera itu tidak berfungsi. Saya hendak tahu, boleh pakaikah tidak boleh pakai lagi? Kalau

tidak boleh pakai, lain kali Tuan Pengerusi, kita hendak buat sesuatu kita buatlah kajian dulu. Kalau tidak kita belanja duit kemudian akhirnya tidak berjaya. Kita cuba satu dulu. Kemudian kalau kita tengok ia berjaya - okay. Kalau ia tidak berjaya, kita beli banyak-banyak macam itu, rugilah duit kita. Sekurang-kurangnya duit itu kalau kita beli kenderaan untuk polis yang elok sedikit, dengan beli Land Rover yang canggih sedikit.

Tuan Pengerusi, sekarang ini Land Rover kita pakai model lama lagi. Saya tengok kadang-kadang Tuan Pengerusi, saya pergi jogging di kawasan saya, saya tahu Land Rover polis dah mai. Ngek-ngok, ngek-ngok dari jauh - bunyinya. Dengan absorber dia teruk, ball-joint dia teruk - pukul berapa kita sudah tahu Land Rover polis hendak mai. Jadi, saya harap pihak Logistik ini berilah kenderaan yang baru. Kita la ini ada Range Rover, ada macam-macam. Beli baru bagi kat depa. Pihak polis Tuan Pengerusi, kalau depa nampak smart, segak macam sheriff, depa pun seronok. Kadang-kadang kita tengok kenderaan depa pun kesian. Yang dalam bandar Kuala Lumpur tidak apalah, yang di kawasan saya, duduk setengah batu, saya sudah tahu itu Land Rover polis. Ngek-ngok, ngek-ngok bunyinya. Jadi, kesian. Kerusi belakang pun sudah tidak ada. Duduk atas tin. Sat lagi terjun hendak tangkap penyamun. Macam mana, Tuan Pengerusi? Jadi, haraplah kementerian ini, perkara-perkara macam ini. Kita hendak perkhidmatan yang baik. Maknanya kita kena beri kat depa servis yang baik.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sila gulung.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Gulung dah! Amboi Tuan Pengerusi, banyak lagi tentang Kementerian Dalam Negeri ini. Saya hendak bela polis-polis ini. Saya kesian kat depa Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa sudah suntuk Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya. Ya. Saya faham, Tuan Pengerusi. Lagi satu tentang filem, Tuan Pengerusi. Tentang filem ini Tuan Pengerusi, saya mintalah pihak Lembaga Penapisan Filem dan penerbitan ini kajilah sedikit. Sekarang ini saya tengok majalah-majalah Tuan Pengerusi, amboi mak sakan sangat! Kita dok pulun Rakan Mudalah, rakan itulah, rakan ini. Sebaliknya majalah dok "rakan" cara lain. Kadang-kadang kain belah sampai ke paha ini Tuan Pengerusi, duduk lagi macam itu. Kadang-kadang ambil gambar sengaja hendak tunjuk dada dan sebagainya. Jadi, yang ini kita mintalah penerbitan ini dijaga sedikit. Ini akhlak anak-anak kita pada masa depan.

Kemudian filem-filem Tuan Pengerusi, fasal apa hendak kena ada bahagian-bahagian "kissing" ini? Fasal apa hendak kena ada? Kadang-kadang Tuan Pengerusi, saya duduk tengok dengan isteri saya, saya dengan isteri saya tidak apalah. Anak-anak yang duduk depan macam mana? Yang tidak erti, dia tanya "Dia buat apa pak?" "Tak tahulah". Kita hendak habak "kissing" pun mereka kecil lagi. Jadi, kalau boleh bahagian "kissing" ini tidak usah adalah. Kalau tidak ada pun cerita itu kita faham. Fasal apa hendak ada bahagian "kissing" baru hendak kata filem itu bagus? Bahagian "kissing" ini tidak ada pun tidak apa. Biarlah bahagian-bahagian lain supaya jangan rosak budak-budak ini.

Saya mintalah Tuan Pengerusi, majalah-majalah yang keluar hari ini banyak sangat. Kita kajilah majalah-majalah ini. Supaya jangan keluar kerana hendak lakukan majalah itu, dia bubuh gambar-gambar yang kadang-kadang kita tengok pun rasa geli. Sungguh saya

berasa geli tengok macam itu. Sudahlah rambut perang, perang itu tidak apalah hendak ikut masa, hendak beri elok tetapi kadang-kadang pakaian pun tidak senonoh. Tunduk sedikit, angkat paha sampai ke dagu, ini apa, Tuan Pengerusi? Bubuh dalam majalah, jadi rosaklah budak-budak kita. Saya haraplah Kementerian Dalam Negeri, Bahagian Penyuntingan Penerbitan ini, tolonglah! Kementerian Belia dan Sukan ini Rakan Muda dan sebagainya, "Rakan Tua" sudah naik kelam-kabut kerana gambar-gambar macam ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Baik, Tuan Pengerusi. Jadi, Tuan Pengerusi, saya haraplah....

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya tidak duduk lagi, yang berdiri kalut sangat fasal apa? [*Ketawa*] Jadi, saya harap Tuan Pengerusi, kita beri ucapan tahniah kepada Pasukan Polis, imigresen dan juga pasukan-pasukan keselamatan dalam negeri dan kita harap welfare mereka juga dijaga dan mereka ini akan berkhidmat dengan lebih baik kepada bangsa, agama dan tanah air.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Lumut.

**4.48 ptg.**

**Dr. Yap Yit Thong [Lumut]:** Ribuan terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian membahas Maksud B.37 - Jabatan Imigresen, Butiran 010000 dan Butiran 020000.

Tuan Pengerusi, Malaysia sedang dalam proses pembangunan yang pesat dan negara kita menikmati kadar pertumbuhan sebanyak 8.5% selama 8 tahun berturut-turut. Oleh sebab kemakmuran ini, rakyat kita telah mendapat peluang untuk mengunjungi negara-negara lain. Sebaliknya, kerana Program Melawat Malaysia dijalankan dengan agresif dan sempurna, kita juga mendapat dan menerima banyak pelancong asing.

Salah satu pintu untuk mereka masuk dan keluar negara kita ialah jeti di Lumut kawasan saya. Tuan Pengerusi, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Lumut adalah salah satu pintu gerbang, gateway, dengan izin, untuk masuk dan keluar pelancong-pelancong tempatan ataupun asing.

Inbound dan outbound di Lumut pada tahun 1994 telah meningkat ke angka 12,900 orang dan pada tahun ini dari bulan Januari hingga Jun, angka pelancong yang menggunakan jeti di Lumut telah naik kepada 8,900 orang. Mereka datang dengan feri ataupun dengan kapal layar sendiri, yacht, dengan izin, yang singgah di Yacht Club Perak dan Lumut International Yacht Club.

Memandangkan bilangan pelancong yang datang akan bertambah lagi, Lumut sangat-sangat memerlukan perkhidmatan imigresen, kaunter yang cekap, berkesan dan cepat.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, masa kini balai ketibaan di jeti Lumut adalah terlalu kecil dan kurang selesa untuk menampung pegawai-pegawai imigresen yang bertugas serta pelancong-pelancong yang datang dengan feri ke negara kita dari Medan. Adalah menjadi kebiasaan selama 3 jam digunakan pada satu masa untuk menguruskan permit dan pasport seramai 300 orang pelancong sebelum mereka dibenarkan masuk.

Untuk pelancong-pelancong yang datang dengan kapal layar sendiri, mereka perlu mengendorsekan pasport mereka di pejabat imigresen di Seri Manjung yang terletak 25 kilometer dari jeti Lumut. Ini bermakna pelancong-pelancong asing dapat masuk ke negara kita sebelum pasport mereka diperiksa dan diendorsekan oleh pegawai-pegawai imigresen. Keadaan seperti ini boleh menimbulkan masalah kemasukan dan kehadiran orang-orang asing yang tidak diingini.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa Kementerian Pengangkutan dan lain-lain kementerian telah mendapat kebenaran untuk memulakan lebih perkhidmatan feri ke Medan. Buat masa ini satu perkhidmatan mingguan sahaja dijalankan di antara Lumut dan Medan, Indonesia. Oleh sebab kekurangan kakitangan imigresen dan kemudahan perkhidmatan kaunter, perkembangan perkhidmatan feri terpaksa ditangguhkan. Ini adalah tidak sewajarnya dengan program perkembangan pelancongan dan boleh menjejaskan perindustrian pelancongan di Lumut khususnya dan negara kita pada amnya. Oleh sebab yang demikian, saya mencadangkan bahawa satu pejabat imigresen didirikan di jeti Lumut dengan kemudahan yang sesuai. Bilangan pegawai imigresen yang bertugas di jeti tersebut harus ditambahkan dan dikekalkan untuk memastikan perkhidmatan yang ada berterusan, cekap, berkesan, lengkap dan sempurna.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Chang See Ten:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya izinkan dua orang lagi berucap, Bagan selepas itu Gelang Patah. Sila.

**4.54 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 010000 - Pentadbiran Keselamatan.

Tuan Pengerusi, kerajaan selalu berkata ada anggota dan kelengkapan yang cukup untuk mencegah pendaratan pendatang-pendatang haram. Tiga hari yang lepas ada sejumlah lebih kurang 70 orang Myanmar telah diberkas di belukar di tebing Sungai Perai di kawasan saya. Ini kerana adanya maklumat dari orang ramai. Sekiranya orang ramai tidak memberi

maklumat berkenaan pendaratan ini, maka pendatang-pendatang haram ini akan bertaburan di sana-sini. Dalam perkara ini kami boleh nampak bahawa ada kelemahan di segi kawalan baik pun di darat atau di laut untuk mencegah pendatang haram ini.

Tuan Pengerusi, Maksud B. 36 - Polis DiRaja Malaysia. Tidak dinafikan bahawa pada masa ini, pasukan polis telah memasuki satu era profesional, kita boleh nampak dalam iklan-iklan pengambilan inspektor-inspektor kadet atau pegawai-pegawai yang lebih tinggi lagi, kelayakan yang diperlukan pun meningkat. Pada masa dahulu kelulusan tingkatan tiga sahaja boleh masuk pegawai kadet, tetapi sekarang mereka sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan STPM dan jikalau ada ijazah dari universiti atau kolej mereka lebih suka lagi. Ini adalah menunjukkan polis adalah satu pasukan yang boleh memberi perkhidmatan yang cemerlang dan juga memberangsangkan, tetapi terdapat juga anggota-anggota polis ini, mereka bekerja di bawah tekanan.

Saya amat kasihan kepada anggota yang berpangkat rendah. Apabila saya masuk ke balai polis, saya selalu nampak anggota-anggota polis yang berpangkat konstabel - saya agak, mereka selalu 'tabek' dengan pegawai mereka, tetapi pegawai mereka tidak sambut 'tabek' ini, terus jalan sahaja macam tidak nampak. Inilah satu sikap manusia, satu sikap di mana apabila beliau menyandang pangkat yang tinggi dari orang yang lain, maka mereka tidak menghirau kepada orang yang di bawahnya.

Saya agak seorang anggota polis yang menjadi 'amok' di Batu Gajah baru-baru ini beliau juga mungkin menghidapi satu tekanan kerja. Tetapi, Tuan Pengerusi, ada juga anggota-anggota polis, mereka bertindak seperti tidak mempunyai peribadi atau bukan mempunyai perasaan perikemanusiaan, mengapa saya berkata begini? Dalam kes Lee Quat Leong, ini mungkin hanya satu dua perkara yang dapat dibongkarkan, dapat diketahui oleh

orang ramai dan kerajaan pun ada mengambil satu sikap yang serius berkenaan dengan hal ini. Maka hari ini, didapati ada orang-orang yang bertanggungjawab atas kematian beliau.

Dalam hal menyasat jenayah, Tuan Pengerusi. Tiga minggu yang lepas saya ada memberi dua keping gambar menunjukkan bahawa dua orang mangsa telah diseksa, telah dipukul oleh anggota polis. Kes yang pertama, Zainal Baharin bin Mohamad Ismail, beliau adalah seorang kakitangan di MAS Kargo di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Kerana ada laporan kehilangan barang dalam kargo ini beliau telah ditangkap untuk disoal-siasat dan beliau telah dipukul serta diseksa oleh anggota polis dari Bayan Lepas sehingga peha kanan beliau menjadi lebam atau dikatakan 'hijau merah'. Satu peha semua hijau, bengkak.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, adakah warna peha itu hijau?

**Tuan Lim Hock Seng:** Hijau, orang Cina kata 'ocheh' [*Ketawa*] hitam-hijau dan kaki beliau juga dipukul dengan getah plastik sehingga tidak boleh berjalan.

Sukacita saya memberitahu bahawa Penang Headquarters Police No.2215/95, beliau ini adalah seorang kakitangan di MAS Kargo, Bayan Lepas.

Tuan Pengerusi, kejadian yang kedua, Kee Chai Heng. Beliau adalah seorang pemandu mesin korek tanah di Sungai Petani. Beliau juga ditangkap kerana disyaki terlibat dalam satu kecurian dalam sebuah van sebanyak RM23,000. Beliau ditangkap dan seterusnya disoal siasat di Sungai Petani. Beliau juga dipukul sehingga tulang kaki beliau patah dan beliau terpaksa dirawat di hospital and he had to be covered up with cement (calcium), beliau kena gulung sehingga keadaan ini dan beliau datang untuk...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dibalut, bukan digulung.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, ya, 'balut' is the word. Terima kasih. Tuan Pengerusi selalu menunjuk-ajar. Bagus.

Tuan Pengerusi, beliau datang mencari saya dan saya bersama-sama beliau pergi berjumpa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong di Pulau Pinang dan seterusnya satu laporan telah dibuat di Balai Polis Pulau Pinang iaitu di Penang Beach Street. Selepas itu, baru-baru sahaja saya mendapat tahu nombor laporan di Sungai Petani iaitu 8905/95 Sungai Petani.

Kedua-dua kejadian ini jikalau mereka tidak tampil ke hadapan dan tidak datang untuk memberitahu kepada umum hal ini, mereka akan menjadi mangsa yang begitu sahaja. Suka saya menyatakan di sini bahawa semua orang dilahirkan oleh ibunya dan jika orang yang kena pukul, kena seksa adalah anak kepada pegawai yang memukul mereka, macam mana perasaan bapa atau ibu yang nampak atau menengok anaknya dalam keadaan yang begini.

Jadi, saya haraplah supaya kedua-dua kes ini dapat disiasat dan seperti biasa jikalau ada satu laporan polis datang kepada saya, saya tidak akan melepaskan peluang untuk menyoal dalam Dewan yang mulia ini tentang keputusan siasatan ini.

Tuan Pengerusi, Program 050500, berkenaan dengan Polis Trafik. Oleh kerana tiada masa saya akan mengemukakan secara ringkas. Ada seorang penunggang motosikal PBQ 9594. Apabila beliau hendak membayar cukai jalan, beliau diberi tahu oleh JPJ Seberang Jaya bahawa beliau ada melakukan tiga kesalahan saman. Kesalahan ini berlaku di Kuala Lumpur pada bulan Mac, 1994, bulan Mei, 1994 dan bulan Julai, 1994. Beliau juga datang mencari saya dalam perkara ini. Beliau kata beliau bekerja di RAAF Butterworth dan motosikal ini digunakan untuk pergi dan balik ke tempat kerja sahaja. Beliau langsung tidak pernah datang ke Kuala Lumpur dan saya juga yakin bahawa sebuah motosikal Honda Cup, bukan Honda Sport - Honda Cup tidak boleh datang ke Kuala Lumpur tetapi beliau mendapat saman dari Kuala Lumpur. Apabila beliau pergi ke JPJ, JPJ kata beliau tidak boleh membaharui, kalau hendak membaharui beliau kena jelaskan saman itu dahulu. Saya

bersama dia pergi ke Balai Polis Perai dan saya dapat butir-butir ini dan beliau terpaksa membayar ketiga-tiga saman ini dengan RM30 setiap saman. Ini sungguh tidak adil. Beliau terpaksa membayar RM90 walaupun beliau tidak pernah datang ke Kuala Lumpur dan saya harap dari maklumat saya ini satu siasatan boleh dibuat dan wang denda ini dapat dipulangkan kepada penunggang motosikal ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Program 020400 - Pasport. Kita selalu dengar dalam Dewan ini Timbalan Menteri ada menjawab bahawa pasport ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sila gulung.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, ini last. Pasport kepada orang-orang yang pergi bekerja di luar negeri kerana terlebih daripada had tinggal. Pasport mereka sepatutnya boleh diberi balik. Di sini ada satu kes. Pasport beliau telah ditahan pada 14hb. Oktober, 1993. Sampai sekarang sudah genap dua tahun - Tan Joo Keat, BAMA 4608397 PP (Pulau Pinang). Selepas membaca surat khabar mengatakan bahawa mereka boleh mendapat balik pasport mereka, beliau telah pergi ke Imigresen Butterworth untuk mendapatkan balik. Imigresen Butterworth kata, pasport ini masih ada di Kuala Lumpur dan belum dihantar balik. Beliau pergi ke Kuala Lumpur, Kuala Lumpur kata ini bukan urusan di sini dan beliau balik ke Butterworth. Sesudah dua, tiga kali berulang-alik, beliau datang mencari saya.

Tuan Pengerusi, saya berharaplah bahawa apa yang dikata dalam Dewan ini bukan semata-mata untuk publisiti tetapi mesti disusuli dengan tindakan dan bukan kata di sini, "oh! senang sahaja mahu minta sijil kerakyatan. Syarat sekian, sekian boleh dapat". Apabila mereka pergi minta, memakan masa beberapa tahun pun tidak dapat apa-apa.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya berharap dua, tiga perkara yang saya bangkitkan ini dapat diambil perhatian oleh kementerian. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Gelang Patah.

**5.08 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana mengizinkan saya membahas Maksud B.35 - Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, seperti kita sedia maklum bahawa masyarakat terkini sedang menghadapi masalah sosial tentang buku atau tape serta bahan-bahan lucah. Oleh yang demikian saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk menyeru kepada Kementerian Dalam Negeri supaya mempertingkatkan tindakan yang lebih berkesan untuk membanteras masalah buku-buku dan bahan-bahan lucah dengan tindakan pencegahan di tempat percetakan, pencegahan di sempadan melalui usaha sama dengan Jabatan Kastam, pencegahan di tempat pengedaran melalui usaha sama dengan pihak berkuasa tempatan serta mengadakan aktiviti-aktiviti dengan persatuan-persatuan sosial dan politik untuk mewujudkan kesedaran sivik dan kesedaran tanggungjawab antara rakyat jelata dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, selama ini memang di bawah usaha gigih Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri beberapa tindakan telah diambil oleh pihak pasukan polis dan daripada maklumat-maklumat yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu pada tahun 1994 sebanyak 1,234 buku lucah telah dirampas serta pada tahun ini sebanyak 4,977 buku lucah sudah dirampas daripada tempat-tempat pengedaran. Ini adalah satu usaha yang sangat baik, dan saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri serta anggota-anggota pasukan polis.

Tuan Pengerusi, selain daripada tindakan yang saya sarankan tersebut, hukuman yang lebih berat seperti hukuman penjara patut dikenakan terhadap sesiapa yang terlibat langsung dalam percetakan, penerbitan, pembekalan dan pengedaran buku-buku lucah, dan lesen-lesen mereka sama ada lesen di bawah Akta Mesin Cetak Tahun 1984 atau lesen daripada pihak-

pihak berkuasa tempatan perlu dibatalkan jika pencetak didapati terlibat dalam percetakan buku-buku lucah.

Selain daripada itu, saya ingin menyarankan agar kalau boleh ganjaran diberikan kepada sesiapa yang bekerjasama dengan pihak Kementerian Dalam Negeri dengan memberikan maklumat-maklumat tentang percetakan, penerbitan, pembekalan dan pengedaran buku-buku lucah supaya pihak polis dapat ambil tindakan secepat mungkin untuk membanteras kes-kes buku lucah ini.

Tuan Pengerusi, daripada usaha semua pihak, termasuk usaha daripada orang awam, saya pasti aktiviti-aktiviti serta tindakan-tindakan untuk membanteras buku-buku lucah ini akan dapat berkesan dan dapat mengurangkan kejadian atau pengedaran buku-buku lucah di masyarakat kita.

Beralih kepada Butiran 00200. Tuan Pengerusi, biasanya bila sesuatu projek perumahan ini akan dijalankan, mereka ambil masa lebih kurang dua tahun dalam perancangan dan dua tahun dalam pembinaan. Saya ingin ambil peluang di sini menyarankan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri untuk rancangan membina balai polis di taman-taman perumahan. Adalah elok daripada permulaan supaya dapat kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan maklumat tentang perancangan di sesuatu tempat itu tentang projek rumah kediaman dan kedai. Daripada maklumat yang dapat daripada perancangan itu, dapat mengadakan perancangan lebih awal supaya dapat membina balai polis di rizab balai polis yang dikhaskan di tiap-tiap projek perumahan. Seperti di kawasan saya, Gelang Patah, di kawasan Taman Ungku Tun Aminah, sudah 11 tahun, rizab balai polis P.T.D. 6959 di Jalan Tun Teja, Taman Ungku Tun Aminah, sudah berada di sana, tetapi kosong sahaja.

Saya telah dapat maklumat bahawa memang pembinaan balai polis di tempat itu akan dibina dalam Rancangan Malaysia Keenam, tetapi setakat ini belum ada. Pada masa sekarang, kawasan itu memang ada sebuah pondok polis yang menggunakan rumah kedai yang dibekal oleh pemaju. Memandangkan kawasan itu mempunyai penduduk seramai 100,000 orang, termasuk kawasan-kawasan sekeliling, adalah sangat penting supaya pembinaan sebuah balai polis dipercepatkan di kawasan Taman Ungku Tun Aminah. Di suatu kawasan lain, iaitu di Taman Universiti, yang mana mempunyai 60,000 penduduk ada sepetak tanah rizab P.T.D. 53556, Taman Universiti adalah rizab balai polis. Saya harap pihak Kementerian Dalam Negeri dapat merancang membina balai polis di Taman Universiti Skudai itu.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, beralih kepada Butiran 030500 - Pembesaran Pusat Serenti Tampoi. Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Dalam Negeri kerana ada rancangan untuk membesarkan Pusat Serenti Tampoi yang kini mempunyai seramai 500 orang penagih dadah yang sedang berada di pusat itu. Daripada maklumat yang saya tahu, luas tanah di kawasan Pusat Serenti Tampoi cuma dapat menampung sebanyak 1,000 orang penagih dadah. Oleh yang demikian, adalah penting supaya ada rancangan lebih awal, satu tapak alternatif perlu diadakan supaya projek pembesaran Pusat Serenti Tampoi ini dapat dilaksanakan dengan sempurna. Selain daripada itu, di kawasan Pusat Serenti Tampoi ini sedang menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja, kurang pegawai dan kurang kakitangan. Adalah perlu bila projek pembesaran Pusat Serenti Tampoi, bersama-sama perlu menambahkan kakitangan serta bekalan kewangan di Pusat Serenti Tampoi.

Dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong Maksud Bekalan untuk Kementerian Dalam Negeri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Timbalan Menteri, sila jawab.

**5.18 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Belanjawan dalam peringkat Jawatankuasa ini tentang semua hal di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Banyak pendapat-pendapat dan juga cadangan-cadangan yang baik telah disuarakan. Ada juga teguran-teguran yang membina. Saya akan cuba untuk menjawab seboleh-bolehnya perkara-perkara yang lebih penting. Sekiranya ada apa-apa perkara, oleh kerana kesuntukan masa, yang tidak dapat saya jawab dengan sempurna, saya beri jaminan bahawa kementerian saya akan memberi perhatian.

Saya ingin menjelaskan tentang hal-hal polis trafik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan juga Jelebu, dan juga ada sedikit disentuh oleh Bagan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Pertamanya mengenai penyenaian pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan lalu lintas di JPJ. Ini dikatakan telah mendatangkan banyak masalah apabila dijalankan. Saya ingin menjelaskan di sini melalui Sistem Senarai Khas Trafik (SEKAT) ataupun black lists, dengan izin, pemandu-pemandu yang gagal menjelaskan notis saman atau menjawab apa-apa notis pemberitahuan kesalahan lalu lintas, ini akan disenaraikan ke dalam sistem SEKAT di JPJ dan terdapat dua jenis notis saman yang dikeluarkan selama ini iaitu seperti mana dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, saman 257 dan 170A.

Masalah yang biasa yang timbul ialah apabila saman 170A ini iaitu saman kita letak atas cermin depan, windscreen, dengan izin, kenderaan, apabila pemandu itu tidak berada di dalam keretanya. Selalunya saman sebegini yang menimbulkan banyak masalah kerana notis tersebut mungkin dikeluarkan semasa kereta itu dipandu oleh orang lain selain daripada pemilik dan tuan punya itu tidak diberitahu oleh sipemandu pada masa saman itu dikeluarkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, notis sebegini mengkehendaki tuan punya berdaftar memaklumkan kepada pihak polis maklumat pemandu yang melakukan kesalahan dalam tempoh masa tujuh hari. Tetapi dalam dalam kebanyakan kes, pemandu sama ada tidak memaklumkan penerimaan notis kepada tuan punya kenderaan yang berdaftar itu ataupun tidak menghirau notis yang tersebut. Sehingga hari ini, suka saya maklumkan sebanyak hampir 1.8 juta.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ong Ka Ting:** Nanti saya lengkapkan sebab maklumat ini belum lengkap, susah mahu tanya penjelasan. Sehingga kini terdapat hampir 1.8 juta rekod pemandu yang masih belum menjelaskan atau menjawab notis yang telah dikeluarkan kepada mereka. Atas sebab inilah, pihak polis dan JPJ telah terpaksa adakan satu sistem melalui penggunaan kemudahan komputer untuk mengesan para pemandu yang terlibat.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya dengan Timbalan Menteri. Saya dulu pun orang polis juga tetapi dah lama bukan orang polis lagi.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tidak ada pencen. Jadi soalan saya berhubung notis saman 170A tadi. Jadi, kadang-kadang kita menerima kompelin ataupun aduan daripada masyarakat pemandu, termasuk saya sendiri Yang Berhormat. Jadi, pada saya sendiri tidak ada masalah, jadi pada orang lain yang kompelin kepada saya itu jadi masalah satu. Kadang-kadang pihak pegawai polis yang letak tiket ini dia tidak tahu apa benda yang dia buat. Kadang-kadang benda itu salah dari contact undang-undang dia salah, tetapi kalau orang itu hendak pergi ke mahkamah, untuk mencabar notis itu di mahkamah, masa terbang, duit terbang, semua sekali terbang, jadi, dia bayar sahaja kompaun. Dengan sendirinya orang dihukum dengan kesalahan undang-undang yang tidak ada berlaku.

Saya beri satu misalan, di Lapangan Terbang Kuching ada satu kotak dikatakan Menteri. Mana ada Menteri letak kereta dekat tu. Menteri letak kereta dia di tempat orang kenamaan. Memang dikhaskan. Jadi, ditempat ini kadang-kadang ada kita tengok van, kereta orang, macam MP, Ahli Dewan Undangan Negeri simpan kereta dekat sana kerana Menteri tidak pakai, jadi dia pakai. Jadi, bila polis datang dia letak sahaja. Memang dia sengaja suka menyaman MP, Ahli Dewan yang meletak kereta di situ sebab dia kata, “Wah you tengok, I dah saman orang besar-besar”. Satu kemegahan.

Jadi, kalau kita hendak cabar boleh bila-bila masa boleh menang, tetapi masalah bila hendak masuk ke mahkamah, hendak cabar hal ini sudah jadi satu masalah dengan kita. Hendak menunggu satu, temeh pula, duduk pergi mahkamah kena tuduh.

Yang Berhormat, jadi soalan pada masa ini apakah latihan yang diberi kepada pihak-pihak pegawai polis yang terpaksa membuat keputusan there and then ataa kesalahan-kesalahan yang tertentu? Supaya Pegawai Polis tidak melakukan kesalahan supaya

masyarakat pengguna jalan raya dan pemandu kereta tidak di oppress unnecessarily oleh kerana ignorant polis itu meletakkan tiket-tiket dan saman-saman sedemikian.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, sebenarnya saya akan jawab juga beberapa teguran yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat yang lain mengenai sikap dan kemahiran Polis Trafik ataupun sesetengah Polis Trafik ini.

Walau bagaimanapun, saya dapat mengulas di sini ialah, memang kadang-kala terdapat segelintir pegawai polis yang menjalankan tugas ini apabila mereka gunakan budi bicaranya, mungkin dia punya keutamaan itu adalah tidak begitu tepat, tetapi bukan semestinya segala tuduhan itu benar. Kadangkala saya lebih menggalakkan sekiranya ada contoh-contoh kes-kes yang begini terutamanya wakil-wakil rakyat yang lebih berpengetahuan, kita catat dia punya butiran, pada masa bila, berlakunya di mana. Saya rasa semua wakil rakyat boleh bantu pihak Polis Diraja untuk membetulkan kalau sekiranya memang satu kesilapan ataupun penyelewengan menjalankan kuasa, tetapi kita perlukan contoh dan butiran yang lebih tepat supaya kita minta pihak atasannya untuk supervise, mengawal selia hal-hal begini. Tetapi, saya memang terima teguran secara terbuka dan saya akan datang pada hal ini sekejap nanti, ada juga point yang berkenaan, ada berkaitan.

Mengenai masalah kesesakan di kaunter pembayaran kompaun Cawangan Trafik Kuala Lumpur, terdapat dua kaunter pembayaran kompaun di Cawangan Trafik Kuala Lumpur. Cawangan Trafik sememangnya telah menyedari masalah kesesakan yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang dan Cawangan Trafik tahu kekurangan kaunter pembayaran kompaun di Kuala Lumpur ini. Sehubungan dengan itu beberapa langkah telah pun diambil untuk mengatasi masalah ini. Mungkin orang awam masih tidak sedar dengan langkah ini.

Yang pertama mengadakan satu kaunter pembayaran kompaun di pintu masuk utama di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dekat dengan Tasik Perdana ataupun Lake Garden, dengan izin, dan dijangka kita akan mulakan ini awal bulan depan, maknanya tidak lama lagi, sekarang pun sudah hujung bulan, maka beberapa hari lagi. Itu yang pertama.

Yang kedua akan menambahkan kaunter pembayaran kompaun daripada dua kepada enam kaunter pembayaran dan dengan dua lagi kaunter semakan di Cawangan Trafik Kuala Lumpur. Dan ini kita akan cuba mula operasi pada awal tahun depan. Sebab ini perlukan lebih ramai kakitangan dan peralatan dan sebagainya.

Yang ketiga, dengan mengadakan kaunter pembayaran kompaun di empat lokasi iaitu di Balai Polis Sentul, Cheras, Dang Wangi dan Brickfields. Dijangka ini akan mula juga pada awal tahun depan.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah menyebut tentang pembayaran kompaun yang dirakamkan melalui gambar kamera dan juga sepertimana apa yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan tadi mengenai sama ada masih pakaikkah gambar kamera ini. Terdapat dua jenis kesalahan sekarang yang boleh dikesan dan dirakam melalui gambar foto ataupun kamera yang kita pasang dekat persimpangan yang kerap berlakunya kemalangan iaitu untuk mengesan pemandu yang melebihi had laju dan juga untuk mengesan mereka yang tidak mematuhi lampu isyarat merah dan selalunya tempat-tempat yang had laju itu di kawasan kemalangan dan untuk simpang-simpang yang lampu isyarat itu di tempat yang juga kerap berlakunya kemalangan. Sistem ini masih berjalan, masih okay. Tidak ada apa masalah. Cuma, mungkin Yang Berhormat pada masa itu kamera itu rosak, kadangkala kamera ini rosak, rosak bukan maknanya kita sudah tutup sistem ini. Sudah tidak mahu pakai.

Apabila pemandu dikesan melakukan salah satu daripada kesalahan di atas, satu notis pemberitahuan akan dikeluarkan berdasarkan alamat mengikut rekod kenderaan di JPJ kepada tuan punya yang berdaftar. Tuan punya yang berdaftar adalah dikehendaki untuk datang ke Cawangan Trafik Daerah di mana notis pemberitahuan dikeluarkan bagi membolehkan satu notis saman 257 dikeluarkan terhadapnya.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Pengerusi ]Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan mengenai cara pengeluaran notis. Yang pertama tadi, saya hendak ingin jelas notis yang mana letak di cermin kereta. Di cermin kereta ini memang benar, kalau hendak, mungkin banyak yang kena saman, sampai 1.8 juta, saya difahamkan tadi.

Tetapi daripada segi peraturan undang-undang, sepatutnya apabila notis ini diletak dan tujuh hari tidak ada apa-apa jawapan, maka sapina boleh dikeluarkan sepertimana yang Dewan Bandaraya buat hari ini. Bukannya cara terus di black- list. Mengenai notis ini juga, tadi baru sebut mengenai unit kamera. Kalau di unit kamera itu boleh dikeluarkan surat pemberitahuan kepada pemandu, mengapa notis ini apabila telah dikeluarkan kepada pemandu tidak ada di follow up. Sepatutnya dihubungi pihak pemandu. Dan yang kedua saya ingin tahu surat pemberitahuan ini dihantar secara pos biasa ataupun secara AR Register?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, saya rasa kalau surat pemberitahuan ini secara laju atau secara berdaftar, ia akan menelan perbelanjaan yang banyak. Itu dari segi anggaran perbelanjaan itu memang tidak praktikal.

Saya telah sebutkan tadi, iaitu dalam tujuh hari kalau si penerima notis itu, dia tidak maklumkan tentang siapa dia yang sebenarnya memandu, maka saman itu dikeluarkan. Ini dari segi praktiknya, saya rasa polis memang ada dia punya 'difficulty', dengan izin, kalau dia hendak mengesan kesemuanya, setiap seorang dalam masa yang singkat, memang perkara itu bukanlah senang. Tetapi, yang penting, orang yang memandu itu perlu bersikap bertanggungjawab, kalau dia memandu kereta orang lain, dia dapat satu notis, dia jangan tidak menghirau ataupun diam sahaja. Perkara yang beginilah yang jadi membebankan pemilik kereta yang sebenarnya. Ini adalah satu perkara, kita harap ini ada kaitan dengan sikap masyarakat umum.

Tetapi, saya pun mengaku memang ada kelamahan-kelemahan iaitu kadang-kala saya dengar juga aduan bahawa pemilik kereta itu, dia tidak tahu langsung selama itu ataupun dia punya pemandu pun kata, tidak sedar langsung ada satu saman sudah keluar. Kadangkala, bukan selalunya, ada kes-kes individu yang melibatkan kesilapan dari segi perkeranian atau sebagainya.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada dua orang yang bangun Yang Berhormat. Hendak beri yang mana satu?

**Tuan Noh bin Omar:** Minta penjelasan sedikit mengenai 'windscreen'. Saya memang bersetujulah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sepatutnya pemandu yang bertanggungjawab itu kena menghubungi pihak polis. Tetapi, Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju atau tidak kalau saya mengatakan, bahawa kadang-kadang bila diletak di atas 'windscreen', surat saman itu di cermin kereta. Pertama, kadang-kadang saya

biasa lihat, budak-budak yang lalu-lalang di situ, mereka inilah yang mengambil, dia ambil, dia buang. Bukan driver yang ambil.

Dan yang kedua, kadang-kadang waktu hujan. Saya pun pernah kena, hujan lebat, hancur kertas itu. Jadi, ini sebab-sebab selain daripada yang tidak bertanggungjawab, mungkin juga sebab-sebab yang saya katakan tadi.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, soal pokoknya di sini saya rasa, kita semua setuju, yang paling senang sekalilah, apa masalah tidak akan jadi ialah jangan melakukan kesalahan. *[Ketawa]* Kalau tidak melakukan kesalahan, apa masalah pun tidak ada. Mengapa sudah tahu tempat itu tidak boleh meletak kereta, letak juga? Mengapa sudah tahu itu.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Ong Ka Ting:** Nanti, beri saya jelaskan dahulu. Saya dengar, sebenarnya, saya tidak mahu bangkitkan pandangan ini semalam semasa saya mendengar semua teguran ini dan saya pun faham wakil-wakil rakyat ataupun kita selalu menerima aduan orang dan kita kena bawa masalah itu. Tetapi kalau dilihat dari segi sikap pemandu di Malaysia ini, saya tidak tahu di negara lain macam mana. Daripada angka-angka penganalisan polis ataupun JPJ, dari segi kemalangan, dari segi kekerapan melakukan kesalahan, nampaknya Malaysia ini kerap sangat, ramai sangat. Sebab ada teguran yang mengatakan mengapa penguatkuasaan sahaja - patutlah mengajar mereka, berilah pendidikan. Sebenarnya, kalau kita semua boleh bersetuju banyak sangat kempen sudah ada, setiap hari kita menonton televisyen, tengok newspaper, tengok papan iklan, begitu banyak. Tetapi masih berlaku,

masih orang Malaysia ramai yang sibuk sangat. Nampaknya Malaysian ini very busy - bila dia dapat sesuatu, dia sibuk, dia tidak ada masa, dia simpan notis ataupun dia buanglah ataupun saya bersetuju ada orang lain yang mengambilnya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu bangun.

**Tuan Ong Ka Ting:** Nanti sekejap, saya habiskan ini dahulu. Yang saya hendak buat satu seruan ialah, apa yang sudah berlaku itu sudah berlalu. Dan pada masa kini memang polis dengan JPJ sedang menjalankan kajian untuk mengatasi masalah ataupun apa-apa yang 'hue and cry' itu, sebenarnya kita peka dan mengetahuinya.

Saya sendiri sudah berhubung dan berbincang dengan pihak-pihak yang berkenaan, mereka juga membangkitkan banyak masalah yang mereka menghadapi dalam menjalankan tugasnya. Dan nampaknya ini perlukan kerjasama daripada semua pihak, bukan sahaja pihak-pihak agensi yang berkenaan. Dan saya tahu memang menyusahkan terutamanya ada pemilik kereta yang tidak melakukan kesalahan.

Saya juga ada menerima kes-kes seperti yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu, jika Ahli Yang Berhormat tidak menyebutkannya pun, saya pun boleh memberitahu sebab saya juga Ahli Yang Berhormat, saya pun wakil rakyat, banyak juga aduan kepada saya, ada juga yang tuan punya kereta yang dia sudah menjual keretanya sudah 10 tahun, tetapi sepuluh tahun kemudian, dia dapat notis ini tidak boleh bayar dia punya cukai jalan sebab terdapat namanya disenaraihitamkan kerana sepuluh tahun dahulu beliau telah melakukan satu kesalahan.

Dia check kereta itu sudah dijual begitu lama, tetapi orang lain sudah membelinya sudah lama, sepuluh tahun dahulu sudah jual tetapi dua tahun yang kebelakangan ini masih

saman atas nama dia. Perkara yang seperti ini berlaku dan saya rasa JPJ pun sudah sedar, polis pun sudah sedar, ada kelemahan dari segi rekod. Rekod itu tidak di up-date on time, mungkin sebab beban kerja atau apa, tetapi di sini kerajaan ini bersepadu, kita tidak mahu kata siapa yang tidak bertanggungjawab. Kita masih lagi membincangkan perkara ini dan menyelesaikan semua perkara yang telah berlaku.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, kita telah dengar rintihan Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin itu sebabnya, saya hendak sambung sedikit, mungkin sebabnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, pembeli itu tidak bertanggungjawab, dia tidak tukar nama di JPJ. Jadi, kita kena salahkan pembeli dan juga penjual.

Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai dengan 'on-line computer' tadi. Kita tahulah bahawa Polis Trafik sekarang ini sedang menjalankan, baru memulakan 'on-line system' ini dengan pihak JPJ dan juga dihubungkan dengan lain-lain IPD di semua daerah. Cumanya saya hendak tahu sama ada boleh atau tidak sekiranya, sistem penyenarai hitam ini diberikan kuasa untuk menghapuskan status senarai hitam kepada IPD yang mengendalikan iaitu 'traffic corps' ini di peringkat IPD daerah, apabila sesuatu saman itu dijelaskan.

Tuan Pengerusi, kerana apabila sesuatu saman dibayar di IPD yang berkenaan, katalah kesalahan itu dilakukan di Kuala Lumpur, tetapi orang kena saman (OKS) ini, tinggal di Bentong. Jadi, untuk dia datang ke Kuala Lumpur untuk hendak membayar saman itu menjadi satu permasalahan. Dia bayar di Pejabat IPD Bentong. Jadi, saman itu telah dibayar dan sudah selesai, tiga saman katalah RM100 setiap satu - RM300. Dia ada juga kadar minimum, ada juga yang dibenarkan di bawah daripada RM100.

Tuan Pengerusi, jadi, permasalahannya apabila road tax si kawan ini hendak mati besok, ataupun lusa ataupun lagi tiga hari, makanya dia gagal untuk membayar road tax di JPJ kerana senarai hitam itu masih appear lagi di dalam terminal JPJ.

Jadi, cadangan saya, kalau boleh, walaupun di peringkat permulaan, Ibu Pejabat Bukit Aman menurunkan kuasa untuk hendak erase balik senarai hitam ini kepada IPD yang berkenaan supaya OKS ini apabila sudah bayar sahaja saman itu, senarai hitam itu telah dipadamkan di JPJ supaya kutipan road tax oleh JPJ dapat diselesaikan. Jadi, orang yang kena saman pun tidak bermasalah untuk lari ke Kuala Lumpur ataupun menunggu.

Tuan Pengerusi, sebab sekarang ini, selepas tujuh hari apabila tarikh pembayaran itu dibuat di Bentong, barulah rekod itu dipadamkan di Bukit Aman. Itu cadangan saya, Tuan Pengerusi.

**Ong Ka Ting:** Saya rasa cadangan itu boleh dikaji dan ditimbang, tetapi buat masa ini saya tidak dapat memberi satu jaminan sebab saya tidak tahu ada atau tidak kesulitan yang kadang-kadang kita nampak sesuatu itu senang, tetapi dari segi sistem, ia mungkin ada masalah yang lain. Tetapi macam manapun cadangan ini akan dikaji dan ditimbang sama ada boleh atau tidak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa kini terdapat 100 pusat untuk membayar on-line computer payment di kebanyakan IPD ataupun balai-balai yang besar, maka dengan 'on-line computer' ini kita memang boleh bayar di mana-mana. Tetapi sepertimana Yang Berhormat dari Jelebu sudah bangkitkan tadi, perkara ini masih baru. Apa yang kita buat ini baru mula, tidak berapa lama, jadi, memang akan menghadapi masalah. It would be some teething problem, dengan izin. Tetapi walau bagaimanapun, sepertimana saya

katakan tadi kedua-dua pihak, polis dan JPJ sedang cuba mengatasi masalah ini. Rintihan dan teguran tadi, kita memang peka dan tahu ada masalah tentang ini.

Tuan Pengerusi, mengenai apa yang sedang saya terangkan tadi - sebab sudah ada interruption, sekiranya kesalahan dilakukan oleh orang lain, adalah menjadi tanggungjawab tuan punya berdaftar untuk membekalkan maklumat pemandu kepada pihak polis supaya notis saman boleh dikeluarkan terhadap mereka yang melakukan kesalahan tersebut dan hanya setelah notis saman 257 dikeluarkan, pemandu boleh membuat pembayaran di mana-mana cawangan trafik yang berkomputer, iaitu saya sebut ada 100 cawangan trafik yang boleh menerima pengkomputeran dan kita akan tambah dari semasa ke semasa apabila sistem pengkomputeran itu dapat dipertingkatkan. Dan bayaran kompaun adalah tetap bergantung kepada jenis kesalahan kenderaan, walau bagaimanapun, kalau sekiranya pemandu ingin merayu untuk mengurangkan kadar kompaun, beliau terpaksa pergi semula ke cawangan trafik yang mengeluarkan saman tersebut kerana cawangan itulah lebih tahu tentang sesuatu kesalahan itu sama ada dia boleh mempertimbangkan untuk kurangkan atau pun tidak.

Selalunya pihak yang mengeluarkan saman itu orang lain cuba hendak timbang, sama ada boleh kurangkan atau tidak, dia punya prinsip itu tidak berapa betul. Kalau pihak itu lebih tahu, tetapi orang lain pula yang kurang tahu pula yang kurangkan kompaun. Buat masa ini kita masih menggunakan sistem ini di bawah peraturan yang sedia ada. Dan untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini sudah 100 cawangan sudah ada dan Yang Berhormat dari Tanjong Karang juga mencadangkan supaya diadakan kaunter trafik komputer di JPJ. Cadangan ini masih dalam peringkat kajian kerana ia melibatkan perbelanjaan (kos) yang sangat tinggi. Tetapi saya telah memberikan beberapa langkah yang sedang dan akan kita jalankan tidak lama lagi.

Yang Berhormat dari Jelebu juga menegur tentang tugas anggota dari PPH.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin minta penjelasan mengenai saman tadi. Saya hendak membuat penjelasan mengenai ucapan saya, apabila kita dikeluarkan saman, kita ada dua pilihan, sama ada kita hendak mengaku salah iaitu dengan terus, pada hari yang berkenaan - on the spot, kita bayar saman itu. Lagi satu, juga diberi pilihan kepada kita iaitu “ataupun hadir ke mahkamah pada tarikh-tarikh yang telah ditentukan”. Apabila kita ada dua pilihan, maka sudah tentu kalau kita ingin mencabar peraturan itu kita pilih untuk pergi ke mahkamah. Apabila kita pilih untuk pergi ke mahkamah, saya ingin tahu adakah pihak polis boleh membatalkan senarai hitam yang ada di dalam komputer JPJ. Kalau tidak dibatalkan, sampai bila? Misal kata, kalau saya ‘challenge’ di mahkamah, sampai bila kes ini baru selesai? Kalau setahun baru selesai kes ini, takkan setahun pula kita tidak boleh membaharui road tax kita. Kerana ini sudah againts the law - kita semua innocent until proven guilty. Jadi, saya minta penjelasan, boleh atau tidak dibatalkan senarai hitam apabila kita hendak melawan di mahkamah?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, ini satu perkara yang tidak dapat saya membuat jaminan di sini. Saya rasa pihak berkuasa terpaksa mengkaji implikasinya dari segi pelaksanaan sama ada boleh atau tidak. Memang dari segi prinsipnya nampak betul, iaitu seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan kesalahannya, tetapi saman trafik ini dia bukan macam kes mahkamah yang lain. Saman trafik ini kadang-kadang sangat subjektif, dia terlalu arguable - di satu pihak itu manusia yang mengeluarkan saman dan di satu pihak lain dia menerima, kalau kepuasan itu tidak ada, memang very arguable. Saya rasa banyak sangat

detailnya, kalau kita bincangkan hari ini tidak boleh habis. Saya harap maaflah kalau saya tidak mahu mengambil masa panjang sangat mengenai saman-saman ini. Bila sudah saman, sudah banyak masalah, kita ambil masa lagi di sini.

Yang Berhormat dari Jelebu menegur tentang sikap ini. Anggota polis trafik yang pindah dari PPH ataupun Pasukan Polis Hutan, saya ingin memaklumkan di sini bahawa hampir semua anggota trafik yang ditukar daripada PPH diwajibkan menghadiri kursus asas trafik di Sekolah Pengurusan Trafik terlebih dahulu untuk melengkapkan pengetahuan mereka di bidang perundangan dan juga inter-personal scale. Tetapi tidak dinafikan masih terdapat segelintir kecil anggota yang bersikap kasar terhadap orang awam. Ini adalah kelemahan manusia dan memang berlaku di mana-mana dalam sesuatu perkhidmatan. Dalam perkara ini pasukan polis tidak akan bertolak ansur sekiranya terdapat bukti-bukti kukuh untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang mencemarkan nama baik pasukan. Sebenarnya pagi ini sahaja saya ada berbincang perkara ini dengan pegawai atasan trafik dan mereka suka sangat kalau Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memberi sedikit contoh yang lebih kukuh seperti di mana, siapa dia dan mereka tetap akan mengambil tindakan.

Ini menunjukkan satu kesungguhan kepimpinan pihak polis. Memang pihak kepimpinan polis tidak mahu mendengar dan tidak mahu tengok perkara ini berlaku.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar bangun.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sedikit sahaja Yang Berhormat. Saya ini base on facts juga Yang Berhormat. Tidak payahlah saya bercerita, tadi saya hendak bercakap, sekarang tidak payah bangkit lagilah. Ini soal yang dilaporkan kepada polis dan boleh diambil tindakan. Kadang-kadang saya rasa sedih. Masa perbincangan Kementerian Pengangkutan banyak dibangkitkan oleh pihak kementerian yang mengatakan kalau berjumpa

orang yang melakukan kesalahan, laporkan kepada polis dan laporkan kepada JPJ. Saya buat surat sampai sakit tukang taip saya di pejabat, tetapi satu tindakan pun tidak diambil, jawapan pun tidak diberi. Jadi, kalau kita hendak komplain orang luar, dia tidak ambil tindakan, macam mana pula hendak ambil tindakan kalau komplain itu orang dalam? Ini soalan rasional. Jadi, saya buat komplain hampir 20 surat, satu sahaja daripada Kuala Lumpur - JPJ ambil tindakan, orang teksi kena hukum. Jadi, ini pegawai-pegawai ini lips service sahajakah?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, saya minat sangat kalau semua 20 surat itu dihantar kepada saya dan saya akan bersama dengan Bukit Aman tengok apa sebenarnya yang berlaku. Sebab saya pun sudah letih hendak jawab hal-hal macam ini. *[Ketawa]* Kalau betul-betul ada bukti kukuh - saya percaya sebenarnya pada hari ini pihak Polis Diraja Malaysia pada keseluruhannya adalah satu pasukan yang profesional, yang reputasinya 'all the while' boleh dikatakan bagus, tetapi kita tidak mahu, oleh kerana ada sebahagian kecil pegawai atau pun anggota ini telah mendatangkan sesuatu imej yang negatif. Ini tidak adil untuk kebanyakan anggota polis yang lain. Kerana kalau kita tengok ada 80,000 anggota polis, sepertimana Ahli Yang Berhormat Yan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kata, siang malam mereka terpaksa menjaga keselamatan kita dan sebagainya, kalau katakan 70,000 lebih anggota ini sudah bersungguh-sungguh jujur dan sebagainya, hanya kerana 10 orang atau 20 orang telah rosakkan imej, saya rasa tidak adil bagi pihak polis disebabkan oleh mereka yang segelintir ini. Kita kena 'nip in the bud' - mesti cari siapa 'culprit'nya, tidak kira dalam trafik ataupun dalam perkhidmatan polis yang lain. Saya rasa ini sikap dan pendirian kerajaan pada hari ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Jelevu juga menyentuh tentang pemandu kenderaan perdagangan dan perkhidmatan awam tidak memakai lencana PSV. Sebenarnya arahan mengenai perkara ini memang telah dikeluarkan kepada semua pegawai anggota polis pada 25hb. Oktober 1995 iaitu tahun ini, tidak lama. Kemungkinan terdapat segelintir anggota masih belum menerima atau memahami mengenai peraturan ini.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, selalunya satu sistem atau satu keputusan yang baru, satu perubahan yang baru dilaksanakan, ia mengambil masa sedikit. The transitional period, dengan izin, selalunya timbul masalah dan sekiranya hanya satu masalah sementara, just bear with us. Tidak ada satu sistem itu perfect ataupun sempurna.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat ....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelevu bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sekejap sahaja, Yang Berhormat. Saya setuju, Tuan Pengerusi, tetapi adalah malang kepada kita, pasukan yang begitu ternama dan terkenal, sekiranya pihak kerajaan telah mengeluarkan arahan dan ibu pejabat pun telah menerima arahan, tetapi ada anggota kita yang tidak pakai.

Jadi, adalah malang sekali. Pada biasanya, sebelum kita buat operasi ataupun kakitangan itu bertugas, tentunya ada satu taklimat dibuat tentang tugas. Jadi, saya menolak bahawa kenyataan Yang Berhormat itu ada kesilapan tentang itu. Ini kita kena pastikan. Kita tidak boleh hendak menjejaskan nama baik sesebuah jabatan itu oleh kerana satu, dua orang dan dia pula boleh argue dengan public. Yang public ini lebih tahu daripada dia.

Jadi, kita tidak hendak berlaku begini. Siapa pun boleh cakap, 'Saya tidak dapat arahan'. Tetapi bos dia sudah kata sudah dapat arahan dan tentunya satu taklimat khas diberikan sebelumnya. Apabila sesuatu arahan itu datang dari atas, mesti ada taklimat ataupun pemberitahuan diberi kepada kakitangan.

Jadi, kalau itu berlaku, saya ingat malanglah PDRM, kalau macam ini perangai dua, tiga orang kakitangan. Kita tentukan bahawa perkara ini tidak berulang sebab sudah dua kali. Satu, arahan menarik balik penggunaan Motor Vehicle 1A (MV1A) bagi kenderaan perdagangan - lori kecil. Ini tahun 1990. Ada juga di antara polis - bukan semua - ada di antara polis yang menafikan bahawa arahan itu tidak diterima. Ini pula tahun 1995, satu lagi penarikan semula pemakaian lencana. Pun dia kata begitu, jadi yang mana satu betul?

Tuan Thavaratnam pun sudah kata betul, 'Kita sudah beri briefing kepada anggota polis'. Tetapi ada anggota dia yang menafikan. Jadi, ini tidak betullah. Bos di atas kata sudah beri. Circular JPA sudah keluar tetapi apakah tujuan anggota ini? Hendak memburukkan nama jabatan ataupun untuk kepentingan peribadi dia? Ini saya hendak tahu, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya tidak membuat kenyataan yang mengatakan bahawa kesilapan ini hanya dibiarkan. Maksud saya ialah kita, terutamanya pihak kerajaan mahu membetulkan apa-apa yang kalau sekiranya merupakan kesilapan tetapi maksud saya ialah kadang-kala kita tidak dapat satu keadaan yang 100% sempurna. Itu bukan disengajakan. So, bear with us with that.

Bukan maknanya kita benarkan mereka ini tidak mematuhi peraturan tetapi kalau masih ada sesiapa yang tidak mematuhi arahan ini, kita tetap akan mengambil tindakan disiplin. Disiplin polis ini memang very strict. Kalau kita dapat maklumat itu, we will act

tetapi saya pun percayalah selepas mendengar banyak teguran ini, high time kita akan menarik perhatian pucuk pimpinan polis yang berkenaan untuk mengkaji apakah kelemahan-kelemahan yang sedia ada.

Saya rasa bukan satu perkara yang memalukan sangat kalau kita ....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ong Ka Ting:** Beri saya habiskan dulu. Saya cadangkan kalau ini masih mengenai saman, eloklah kita gunakan masa yang lain sebab terlalu banyak sangat. Saya belum lagi masuk isu-isu utama, hanya saman sampai sekarang. *[Ketawa]* Maksud saya ialah....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan, saya nampak Ahli-ahli Yang Berhormat bangun sewaktu kementerian menjawab, hanya berhak untuk meminta penjelasan, bukan berucap atau memberi hujah-hujah, untuk menjimatkan masa kita.

**Tuan Ong Ka Ting:** Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya saya boleh memberi satu pendirian, iaitu Kementerian Dalam Negeri akan mengambil berat tentang semua teguran ini dan kita akan adakan perbincangan yang serius dengan pihak Polis DiRaja Malaysia mengenai apa-apa sahaja kalau sekiranya didapati teguran itu benar, ada asasnya, kita akan ambil tindakan yang sewajarnya.

Mengenai speed-trap, memang arahan pada masa kini ialah sesiapa pun, kalau anggota polis hendak menjalankan tugas sekatan jalan, speed-trap dan sebagainya mesti jalankan tugas di tempat-tempat yang munasabah, yang tidak akan membahayakan pemandu dan juga

mesti di tempat yang ada logiknya hendak dijalankan tugas itu macam kawasan yang boleh mengelakkan daripada terjadinya kemalangan dan sebagainya. Semua teguran yang berkaitan dengan saman dan penguatkuasaan ini, kita akan terus memberi perhatian yang serius.

Tuan Pengerusi, saya ingin masuk kepada Ahli Yang Berhormat dari Tenom yang telah mendakwa tentang pemegang kad pengenalan palsu telah menjadi sebagai pengundi dan sebagainya.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Jelebu bangun lagi.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kamera perangkap laju. Yang dinyatakan tadi, memang kita berterima kasih pada PDRM kerana sepanjang jalan Lebu Raya Karak-Kuala Lumpur itu dipasang sebanyak 14 unit tetapi cuma beberapa unit sahaja yang berfungsi. Saya hendak tahu berapa unit sebenarnya berfungsi?

Saya juga ingin tahu apakah ada rancangan PDRM khasnya Bahagian Trafik ini untuk memasang kamera perangkap laju ini di sepanjang Lebu Raya Utara-Selatan yang telah dikenal pasti tempat tertentu sebagai tempat-tempat yang selalu berlaku kemalangan?

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya tidak ada maklumat yang tepat tentang berapa yang rosak, berapa yang berfungsi. Mungkin masa suntuk sangat, daripada semalam sampai pagi ini tidak ada rehat. Polis tidak memberikan saya maklumat ini tetapi dari segi hasrat kerajaan, kita memang mahu pasang di tempat-tempat strategik, yang kalau banyak lagi boleh tetapi kita kena tengok dari segi perbelanjaan. Buat masa ini, saya tidak ada butiran detail tentang

berapa lagi kita mahu pasang. Mungkin pada satu masa yang lain. Jika ada peluang di sini, saya akan memberikan maklumat itu.

Yang Berhormat dari Tenom telah membangkitkan bahawa ada pendatang tanpa izin telah gunakan kad pengenalan palsu, kemudian terus jadi pengundi dan nampaknya macam kerajaan itu tidak ambil berat ataupun biarkan sahaja. Saya rasa dakwaan itu sudah berulang kali dibuat dan saya sudah jelaskan juga. Menteri-menteri yang lain sudah jelaskan banyak kali, adalah tidak benar sama sekali bahawa kita tidak ambil berat tentang perkara ini.

Sebenarnya semua mereka dari Sabah, apabila dia berdaftar untuk jadi pengundi, sekiranya pihak Suruhanjaya Pilihanraya merujuk kad pengenalan itu kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk menentukan kesahihannya, JPN terus akan dapat beri kerjasama.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam beberapa tahun ini, kita memang berjaya mengesan banyak pemegang kad-kad pengenalan palsu yang cuba hendak daftar jadi pengundi tetapi telah ditolak kerana kad itu tidak sah.

Sebagai bukti, saya beri angka. Pada tahun 1992, sebanyak 22,418 permohonan menjadi pengundi telah ditolak kerana kadnya tidak sah. Pada tahun 1993, seramai 23,411 telah ditolak dan pada tahun 1994, sebanyak 19,891 telah ditolak dan dalam setengah tahun (1995) ini, seramai 8,834 juga telah ditolak. Maknanya kita ada usaha yang dijalankan dengan begitu kerap, tetapi mungkin usaha ini tidak diketahui oleh orang awam.

Saya sudah banyak menerangkan mengenai ISA di Sabah, bagaimana kita membanteras dan bagaimana kerajaan ini bersungguh-sungguh hendak mencegah dan juga menumpaskan sindiket-sindiket pemalsuan ini. Setakat ini, kita telah pun mengenal pasti 5 sindiket dengan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan menangkap seramai 35

orang. 35 orang daripada Sabah ini, 10 orang sudah dimasukkan ke Kemunting. Ini sudah banyak kali saya ceritakan, tak payah saya buang masa lagi.

Saya ingin memberi gambaran seterusnya bahawa penguatkuasaan ini diteruskan dan kita tidak berhenti setakat ini. Sesiapa sahaja, kalau terlibat, kita akan bertindak mengikut undang-undang dan operasi ini bukan sahaja di Sabah, tetapi di seluruh negara, termasuk di Semenanjung. Sebenarnya, “Ops Kena” yang kita jalankan ini, setakat ini kita sudah berjaya mengenal pasti seramai 273 orang ahli sindiket di seluruh negara. Bukan setakat Sabah sahaja kita bertindak, tetapi sejak tahun 1987 hingga hari ini pihak berkuasa telah menangkap 85 orang di bawah undang-undang yang berkenaan dan yang baru sekali ialah yang baru sebentar tadi saya terangkan mengenai Sabah.

Saya juga ingin menegaskan, kad palsu yang disebut-sebut itu sebenarnya kad pengenalan plastik, berbentuk plastik dan kerajaan jangka, apabila tempoh pertukaran kad pengenalan daripada kad plastik kepada Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) itu sudah selesai dengan sempurna, maka kad-kad plastik yang palsu itu akan dapat kita kesan ataupun tidak akan boleh digunakan lagi oleh ahli-ahli sindiket ataupun pendatang-pendatang tanpa izin. Jadi, mudah-mudahan, selepas tahun 1996, kita boleh tahu berapa orang daripada mereka ini masih memegang kad plastik, sama ada tidak berani datang untuk menukar kad pengenalan atau datang tukar, kena tangkap atau kena kesan. Kita tunggulah sedikit masa, lebih kurang satu tahun lagi, tengok apa akan berlaku. Sementara itu, penguatkuasaan akan terus dijalankan.

Yang Berhormat dari Seremban telah menyentuh tentang kewarganegaraan. Yang Berhormat telah mengatakan, lebih daripada 200 lebih kes permohonan kewarganegaraan di Seremban sejak tahun 1986 sampai hari ini. Walau bagaimanapun, beliau juga tahu dan sedar

tentang usaha kerajaan baru-baru ini. Sebenarnya saya pernah menjawab ataupun mengumumkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara telah pun menubuhkan task force ataupun mengambil berat tentang apa-apa backlog yang terdapat di dalam jabatan itu.

Ketua Pengarah JPN sendiri telah mengetuai usaha ini dan beliau telah memastikan semua backlog atau apa-apa tunggakan, sama ada dari segi kewarganegaraan, kad pengenalan pindaan butiran dan sebagainya perlu diselesaikan secepat mungkin.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ketua Pengarah kerana saya sudah meneliti dan nampaknya beliau sudah berjaya. Setakat hari ini, beliau sudah berjaya menyelesaikan hampir kebanyakan backlog dari segi kewarganegaraan. Sehingga bulan September, terdapat sebagaimana Yagn Berhormat dari Seremban sebut, sudah menunggu lama dan bertahun-tahun, tetapi permohonan mereka belum ada jawapan.

Suka saya memberitahu di sini, ada kira-kira 9,000 lebih yang dikatakan backlog kewarganegaraan untuk seluruh negara di mana ada terdapat 6,000 lebih permohonan itu adalah di dalam bidang kuasa Ketua Pengarah JPN. Hampir sejumlah 90% lebih daripada 6,000 lebih ini sudah selesai menjelang bulan September.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar bangun.

**Tuan Ong Ka Ting:** Nanti, saya belum lengkapkan yang ini. Maka, sebanyak 6,491 permohonan di bawah Perkara 15 dan Perkara 16 iaitu Borang 'A' dan 'E' telah selesai dan kebanyakan 90% lebih pemohon ini telah diluluskan dan kategori ini merupakan mereka yang sudah lama berada di negara ini. Ada yang lahir di sini dan ada yang berada di sini sejak lama dahulu. Cuma tinggal 2000 lebih backlog masih diusahakan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dan kita jangka backlog ini juga boleh kita selesaikan tidak lama lagi.

Di sini, saya ingin menjelaskan, Yang Berhormat dari Bagan, dia sudah mengambil kesempatan pada penghujung ucapannya beliau sudah sengaja mengatakan bahawa sijil warganegara, saya cakap sahaja - publisiti. Saya rasa beliau itu elok mereka semak fakta beliau. Baru-baru ini, 6,000 lebih yang diluluskan ini, ramai daripada mereka ini sudah begitu gembira dan saya menerima banyak surat ucapan terima kasih dan tahniah mengatakan bahawa usaha ini adalah ditunggu-tunggu selama 8 tahun atau 10 tahun.

Saya rasa, Yang Berhormat dari Bagan itu jangan buat teguran yang tidak berasas. Sebenarnya apa yang beliau bangkitkan tentang pasport itu pun serupa. Jabatan Imigresen sudah memulangkan kira-kira 18,000 pasport yang ditahan. 18,000 daripada 19,000 lebih, cuma sebahagian kecil sahaja masih dalam proses memulangkan dan semua pemegang pasport itu perlu menunggu surat daripada imigresen baru pergi.

Kalau surat itu belum sampai, jangan pergi kejar sini, kejar sana, sehingga semua kaunter tidak tahu pasportnya di mana. Sebab sistem sekarang ialah, apabila pasport itu sudah sedia untuk dikutip di cawangan, surat itu akan sampai kepada pemohon itu. Saya rasa, kalau kita tanya semua pihak yang terlibat itu, kebanyakan mereka ini berterima kasih kepada kerajaan dan bukan seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Bagan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Minta penjelasan sedikit. Semenjak ahli Parti Komunis Malaya menandatangani perjanjian yang mereka tidak lagi terlibat dalam arm's struggle di Malaysia, pihak komunis yang dahulunya take-up arms, dengan izin, melawan Kerajaan Malaysia dibenarkan balik ke Malaysia. Tetapi pada akhir tahun 1940-an dan awal tahun 1950-an, ramai warganegara daripada Sarawak yang dihantar ke China, bukan kerana terlibat di dalam arm's struggle, tetapi hanya terlibat dengan mesyuarat, mungkin atas desas-desus angin yang dikatakan terlibat dengan subversive

element di Sarawak. Jadi, mereka ini masih tidak boleh balik ke Malaysia. Jadi, macam mana status mereka ini pada masa sekarang?

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya rasa, Yang Berhormat sudah bangkitkan satu tajuk yang baru. Saya rasa kalau tajuk-tajuk baru yang dibangkitkan ini banyak, saya kena minta satu hari lagi peruntukan untuk saya.

Walau macam manapun, perkara yang dibangkitkan itu, saya rasa orang yang sudah meninggalkan negara ini begitu lama di luar negeri, saya rasa mungkin mereka sudah memperolehi kerakyatan di negara itu. Apabila seseorang itu memperolehi kerakyatan di mana-mana, mereka tidak boleh lagi menjadi rakyat kita, tidak boleh balik ke sini menjadi rakyat. Saya rasa, dia kena patuh semua peraturan biasa imigresen.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Seremban, Gelang Patah dan juga dari Yan telah menyentuh tentang bahan-bahan lucah, buku-buku lucah, majalah lucah, saya hendak ucapkan terima kasih kerana ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat ini ada ambil perhatian dalam masalah ini. Apabila saya cuba menarik perhatian masyarakat awam tentang perkara ini, saya pun tidak berapa pasti sama ada dapat sokongankah atau tidak, tetapi nampaknya ada tiga orang Ahli Yang Berhormat telah juga sama seperti saya telah menyuarakan concern mereka. Saya rasa sukacita maklumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri baru-baru ini telah stepped-up atau mempertingkatkan penguatkuasaan kita, bukan sahaja Kementerian Dalam Negeri telah cuba mengesan, menangkap mereka yang mengedar, mencetak ataupun menjual buku-buku lucah dan majalah-majalah yang lucah, yang haram, kita juga sentiasa mengawasi majalah-majalah, buku-buku yang ada permit KDN.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Seremban, baru-baru ini Kementerian Dalam Negeri telah memberikan surat amaran kepada majalah yang dibangkitkan oleh Ahli

Yang Berhormat dari Seremban iaitu Majalah Pop dan kita juga meneliti Dunia Ajaib. Memang benar kedua-dua majalah ini nampak ada banyak bahan yang kurang sihat. Amaran keras telah dikeluarkan dan kita tengok apa akan berlaku. Kalau tidak mematuhi mungkin kita akan timbang untuk menarik balik permit KDN itu.

Pada masa ini, kementerian juga sedang mengkaji untuk meminda Akta Mesin Cetak. Kalau kajian itu sudah sempurna, kita akan kenakan hukuman yang lebih berat sepertimana Yang Berhormat dari Gelang Patah cadangkan. Kita memang ada cadangan mahu mengenakan minimum jail term, dengan izin, supaya bukan sahaja bayar denda boleh selesai. Pengusaha ini tidak kisah bayar denda sebab dia sudah buat untung berjuta-juta ringgit dengan mengedarkan buku lucah ini. Kalau dalam Akta Mesin Cetak sekarang hanya RM20,000 untuk seseorang pengusaha itu, dia tidak kisah. Maka, kita sedang mengkaji untuk memasukkan minimum jail term, kalau dia untung, kita masukkan dia ke dalam penjara. Tengok apa yang akan berlaku. On top of that, Kementerian Dalam Negeri juga sedang menimbang, kalau dapat bukti kukuh seseorang pengusaha atau pencetak sudah terlibat, kita akan batalkan lesen cetaknya sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan. Batalkan lesen cetaknya, batalkan lesen KDNnya, kalau perlu, kalau hendak bertindak lebih cepat gunakan Akta Kediaman Terhad. Hantar dia pergi ke kawasan pedalaman untuk dia jual buku lucah di sana. *[Ketawa]* Tengok sama ada orang pedalaman mahu belikah atau tidak. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan beberapa perkara. Kementerian memang menyedari keperluan Balai Polis di Jinjang Utara dan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian telah mengemukakan permohonan untuk membina sebuah Balai Polis di Jinjang Utara bersama-sama dengan kemudahan perumahan.

Haraplah Yang Berhormat pada masa akan datang tidak payah kkuatir lagi seratus tahun tidak ada Balai Polis baru.

Yang kedua, cadangan untuk mengubah suai Balai Polis di Jalan Bandar memang sudah ada di dalam perancangan, sedang diusahakan melalui penswastaaan. Pembinaan Balai Polis Dang Wangi yang baru juga di dalam perancangan. Hanya masalah pemilikan tanah sedang diuruskan dan pembinaan Pengkalan Pasukan Simpanan Persekutuan di Mukim Batu, Jinjang, kita memang sudah mahu mula.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum tentang masalah sampah ini tidak selesai dan saya rasa Yang Berhormat dari Parit Sulong tidak pernah buang sampah di situ. Ahli Yang Berhormat dari Kepong sudah menyuarakan supaya kita ccepatkan ini. Memang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sudah minta supaya beri pihak mereka sampai 30hb. Jun tahun depan untuk selesaikan masalah tapak sampah, baru kita mula kerja pembinaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya suka mendengar ada rancangan untuk membina ketiga-tiga Balai Polis itu. Saya berharap usaha ini akan dipercepat untuk menyaksikan Balai-balai Polis yang selesa.

Walau bagaimanapun, mengenai buang sampah, siapa sahaja yang datang ke Kuala Lumpur, ada makan, ada tidur dan sebagainya, memang ada membuang sampah. Sampah inilah yang akhirnya sampai ke Jinjang Utara termasuk dari Gerik. Bila Yang Berhormat dari Gerik tinggal di Kuala Lumpur ataupun Tuan Pengerusi tinggal di Kuala Lumpur, memang ada makan, ada tidur, ada mandi, semua ada. Ini ada terlibat dengan sampah sarap juga walaupun tidak dilihat begitu ketara. Misalnya kita pergi makan di kantin kita, memang ada

sampah di situ. Sampah ini akhirnya sampai ke Jinjang Utara. Itulah maksud saya. Sebab saya kata Yang Berhormat dari Parit Sulong memang dia ada membuang sampah secara tidak langsung.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Point of order, Tuan Pengerusi. Ini Kementerian Dalam Negeri, bukan 'Kementerian Sampah'. Saya minta Yang Berhormat dari Kepong ini balik kepada tajuklah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, point of order apa ini?

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat hendak minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu sahaja yang saya minta.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, sehingga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dapat menyelesaikan tapak buang sampah ini iaitu dijangka selesai pada bulan Jun tahun depan, kita akan mula pembinaan.

Masalah tentang pekerja asing, saya akan sekali gus jawab apabila saya sampai kepada yang lain.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yan bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang Berhormat lupa tentang Balai Polis Yan. Bila?

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya belum sampai.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Oh, belum sampai. Tadi Yang Berhormat sudah cakap. Saya ingat terlupa. Minta maafilah.

**Tuan Ong Ka Ting:** Pusat Serenti pun nanti saya jawab sekali gus.

Saya rasa saya masuk kepada pekerja asing ini kerana beberapa Yang Berhormat telah menyentuh tentang pekerja asing. Suka saya maklumkan, dalam perjanjian antara negara sumber iaitu negara yang akan membekalkan pekerja asing kepada Malaysia, agensi yang tunggal yang dilantik itu tidak dibenarkan untuk melantik wakil di Malaysia. Mereka tidak boleh berbuat demikian dan kerajaan negara-negara berkenaan juga telah menafikan kepada kerajaan kita mengatakan mereka ada berbuat demikian. Oleh sebab itu, Kementerian Dalam Negeri kalau sekiranya dapat bukti itu, kita mahu menyenaraihitamkan the so-called wakil-wakil ini, yang datang daripada sana untuk cuba menjalankan kerja ini. Saya rasa kita kena bertindak tegas. Saya setuju, kalau orang kita sendiri sudah tidak boleh uruskan hal ini, macam mana orang luar boleh masuk? Tetapi Pasukan Petugas Khas memang tegas, tidak terima sebarang agensi, tidak kira ia dari luarkah atau dari dalam untuk direct dealing, hanya majikan sahaja mereka akan layan.

Ada juga beberapa cadangan mengenai perkara ini. Saya rasa cadangan ini perlulah disampaikan kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing. Kementerian Dalam Negeri sendiri sahaja mungkin tidak boleh buat keputusan secara sendiri. Termasuklah soal konsortiumkah dan yang lain-lain, saya rasa perlu ditimbang oleh Jawatankuasa Kabinet.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Pokok Sena bangun, Yang Berhormat.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan supaya kita membawa kepada Jawatankuasa Kabinet. Bukankah baik kalau Timbalan Menteri Dalam Negeri itu bawa kepada Jawatankuasa Kabinet? Takkan saya hendak pergi jumpa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Kabinet itu, tentulah Timbalan Menteri Dalam Negeri beritahu kepada Pengerusi Jawatankuasa Kabinet bahawa ini adalah perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam Parlimen.

**Tuan Ong Ka Ting:** Maksud saya bukan Yang Berhormat sendiri pergi berjumpa Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Maksud saya Kementerian Dalam Negeri sendiri tidak boleh membuat keputusan. Ini kena dibincang oleh Jawatankuasa Kabinet, tetapi tidak apalah *Hansard* nanti saya boleh kemukakan sekali supaya lebih detail atau direct.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Yan telah menyentuh perkara-perkara yang lain mengenai buruh asing dan sebagainya. Begitu juga mengenai Borang J. Borang J yang asli itu tidak perlu, fotostat sudah cukup. Kalau ada sesiapa yang kata mahu Borang J asli, saya rasa itu sudah menjalankan tugas terlalu ketatlah - memang tidak perlu, kalau ada fotostat sudah cukup.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Yan kerana telah membantu untuk menahankan imej polis dan saya telah menerangkan imej polis ini sebentar tadi.

Mengenai kemasukan buruh asing. Disebabkan pasukan petugas pekerja asing dalam beberapa bulan ini menghadapi masalah transitional, Kementerian Dalam Negeri sedang

berusaha untuk mengatasi dari segi kekurangan tenaga ataupun sesuatu sistem itu kurang berkesan dan sebagainya termasuk pembantu-pembantu rumah.

Ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai pembantu rumah. Kami sedang mengkaji masalah ini dan sedang mencadangkan supaya urusan pengambilan pembantu rumah ini kalau boleh dipulangkan kepada Jabatan Imigresen, supaya Jabatan Imigresen mempunyai lebih kakitangan, lebih cawangan dan sebagainya boleh menguruskan, mudah-mudahan cadangan ini boleh ditimbang dan diluluskan sedikit masa lagi. Hal-hal yang lain yang dibangkitkan mengenai pekerja asing ini, kita akan ambil perhatian.

Tuan Pengerusi, mengenai LPF. Bahan lucu saya telah sebut - mengenai filem. Yang Berhormat dari Yan telah mengatakan ada 'kissing' kalau boleh dielakkan dan sebagainya. Sebenarnya ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang mengatakan jangan gunting tajam sangat, ada show-show filem yang mendapat award itu, kadang-kadang kita sudah tidak tahu, continuity sudah hilang. Jadi, ini memang pandangan yang berlainan. Tetapi macam manapun, saya ingin menerangkan, oleh sebab ada kompelin atau pandangan apabila orang dewasa menonton TV atau menonton filem tanpa menyangka, tidak tahu apakah sebenarnya filem itu, dia punya naturenya macam mana, tiba-tiba sudah ada 'kissing', tiba-tiba sudah ada ganas, tiba-tiba sudah ada 'sesuatu'. Walaupun selepas ditapis, tetapi nampaknya sekarang atau masa kini, nampak masih tidak sesuai untuk kanak-kanak. Maka ada.....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Pokok Sena, bangun.

**Tuan Ong Ka Ting:** Bagi saya lengkapkan, saya hendak cakap dahulu. Oleh sebab itu, Kementerian Dalam Negeri telah mengkaji perkara ini dan baru-baru ini telah dikemukakan kepada Kabinet dan Kabinet sudah setuju iaitu bukan sahaja ditapis sepertimana yang dijalankan sekarang. Selepas ditapis diklasifikasikan, tetapi pengumuman saya itu disalah faham oleh setengah-setengah pihak. Maksud saya ialah apa yang ada sekarang ini, kita klasifikasikan supaya masa tayangan itu berlainan, maka filem macam Yang Berhormat dari Yan khuatir itu, kalau sudah lulus tapisannya masih tidak sesuai untuk anak kecil, maka kita beri ditayangkan selepas pukul 10.00 malam. Maksud klasifikasi ialah kita tidak longgar apa-apa, tetapi klasifikasi selanjutnya selepas daripada penapisan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan. Yang saya tahu Lembaga Penapisan Filem ini ramai terdiri daripada pegawai-pegawai yang pencen. Jadi, saya hendak minta penjelasan, oleh sebab bila kita hendak tengok gambar, kalau gambar yang bagus itu - tidak apalah boleh tahan. Saya tidak pernah tengok gambar sampai habis, sebab selalu terlena. Jadi, bagaimana, apabila seseorang itu dia hendak menapis misalnya gambar Tamil sampai sudah, selepas itu kena gambar yang panjang-panjang, jadi pegawai-pegawai yang pencen boleh tahankah? Tidak adakah pegawai-pegawai yang muda-muda yang boleh membuatnya, sebab itu kita 'miss', sebab apa dia terlena, bila dia terlena, apabila dia jaga, dia bukan hendak ulang, kalau kena gambar itu tiga jam, dia hendak ulang balik adalah payah.

Sebagaimana yang saya tahu, kalau TV3 penapisannya kadang-kadang dia datang direct, setengahnya dia kena tengok, tape itu dia hendak tapis. Jadi, kebanyakan penapis ini terdiri mereka yang retired officers. Oleh itu, saya hendak tahu, tidak adakah orang-orang

muda di dalam Lembaga Penapisan Filem supaya boleh tahan melihat filem ini. Saya ingat Ahli Parlimen ini kalau tengok gambar mesti terlena, jadi takut miss 'yang itulah'. *[Ketawa]*

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, memang benar ramai daripada ahli-ahli Lembaga Penapis Filem ini terdiri daripada mereka yang sudah bersara, tetapi kita ada kriteria, ada dia punya syarat-syarat melantik ahli-ahli ini. Mereka perlu datang dari golongan yang betul-betul berpengalaman, betul-betul berpengetahuan dalam sesuatu bidang dan sebagainya. Semasa menonton tapisan filem itu bukan seorang sahaja ada tiga atau empat orang, dia serentak, takkan ketiga-tiga orang itu serentak mengantuk - tidak bolehlah. *[Ketawa]* Setakat ini, so far so good, dengan izin.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yan, bangun, ya.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Last, saya minta, mungkin saya tidak lena tidur, Tuan Pengerusi, tetapi bila ada adegan-adegan yang 'mengesyokkan' mereka 'teralip' dan terlepas. *[Ketawa]*

Saya ingin mencadangkan bolehkah lembaga ini dimasukkan juga macam tokoh-tokoh agama, tokoh-tokoh kemasyarakatan supaya mereka faham seluk-belok. Macam kita ini, kadang-kadang kita kurang arif, kita terlajak, kita tengok seronok. Macam Dato' Haji Mohd. Zihin dari Larut, dia baguslah, dia boleh jadi sebagai Ahli Lembaga Penapisan Filem - saya mencadangkan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Memang Ahli-ahli Lembaga Penapisan Filem sekarang ini sangat layak, mereka ada pengetahuan agama, ada pengetahuan kebudayaan, ada pengetahuan moral dan sebagainya. Satu hari nanti saya akan tunjuk nama mereka, semuanya adalah orang yang sangat bereputasi, bukan orang biasa, orang yang benar-benar sudah

berkhidmat di beberapa bidang seperti di dalam kerajaan dan sebagainya - sangat bereputasi. Kita ada ramai bergilir-gilir, bukan orang itu sepanjang hari tengok wayang, tengok filem [Ketawa] dia ada bergilir-gilir, bukan hanya bergantung kepada tiga orang - ada ramai berpuluh-puluh orang.

Jadi, klasifikasi itu saya sudah jelas, iaitu tidak ada kelonggaran, tambah apa yang ada sekarang ini kita klasifikasi supaya sebelum menonton ibu bapa, orang dewasa sudah tahu, ini filem jenis apa. Kalau sudah tahu filem jenis apa, dia tahu macam mana hendak mengelakkan anak menonton. Selain daripada itu, kita mahu masa tayangan itu mesti selepas pukul 10.00 malam. Jadi, selepas pukul 10.00 malam mungkin apa yang berlaku ialah anak sudah masuk bilik tidur, tetapi apa yang tinggal itu masih tidak longgar, jangan salah anggap ingat itu longgar.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyentuh tentang sindiket yang merompak di Chow Kit. Inipun saya minat kalau boleh saya mahu mendapatkan maklumat itu, saya akan semak dengan pihak atasan polis mengenai sebenarnya apa yang sudah berlaku. Jikalau sekiranya ada apa-apa kesilapan kita akan betulkan.

Mengenai aktiviti dadah di Kuala Lumpur memang banyak usaha telah dijalankan. Sebenarnya Ketua Polis Negara sendiri mengambil berat, Ketua Polis Negara sendiri memberi dateline, Ketua Polis Negara sendiri mengawasi penguatkuasaan ini, bukan sahaja di Kuala Lumpur, tetapi di semua ibu kota. Kalau kita tengok hari ini memang sudah jauh lebih bersih daripada dahulu, hampir boleh dikatakan susah hendak tengok secara terbuka mana-mana ada pengedar dadah.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat saya ingat jawapan masih panjang.

**Tuan Ong Ka Ting:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa hari ini sudah cukup, kena sambung minggu hadapan, Yang Berhormat.

**Tuan Ong Ka Ting:** Okay.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*